


Jilid I
Bil. 70



Hari Isnin
24hb November, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7777]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976:

Jawatankuasa (Hari Pertama)—

Jadual

Kepala B. 1 hingga B. 12 [Ruangan 7802]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976:

Jawatankuasa (Hari Pertama)—

Kepala P 8 dan P. 10 [Ruangan 7802]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 24hb November, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K., (Pelabohan Kelang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P., (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelevu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).

Yang Berhormat TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).

- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelaras Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).

„ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).

„ Timbalan Menteri Penyelaras Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

„ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).

„ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).

Yang Berhormat TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).

- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., (Marudu).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

AKTA KEMAJUAN PETROLIAM 1974

1. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar tentang timbulnya rasa kekhuatiran di antara golongan-golongan pelabur, baik asing atau tempatan, ke atas pindaan kepada Akta Kemajuan Petroliam 1974, dan nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk memulihkan satu suasana pelaburan yang lebih baik dan sihat.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar tentang adanya kekhuatiran yang timbul berikutan dengan pindaan kepada Akta Kemajuan Petroliam 1974. Tetapi kekhuatiran itu tidaklah sebegitu buruk sebagaimana yang digambarkan oleh akhbar-akhbar dan majalah-majalah asing. Saya berkata demikian oleh sebab semenjak pindaan itu diluluskan oleh Dewan ini, PETRONAS, yang diberi kuasa mengendalikan urusan-urusan bersabit dengan petroliam, telah menerima beberapa permohonan daripada syarikat-syarikat asing dan syarikat-syarikat dalam negeri bukan sahaja untuk meneruskan urusan yang ada kaitan dengan petroliam di negara ini. Ini jelas menunjukkan bahawa pelabur-pelabur mempunyai kepercayaan penuh bahawa Kerajaan akan melaksanakan undang-undang itu dengan cara yang adil dan saksama.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telahpun memberi jaminan kepada pelabur-pelabur bahawa Akta Kemajuan Petroliam (Pindaan) 1975 akan dilaksanakan dengan saksama, dengan cara yang tidak akan membawa kesan yang tidak diinginkan kepada suasana pelaburan di Malaysia dan terhadap "our unblemished record of fair treatment to all investors", yang memberi layanan yang saksama kepada pelabur-pelabur.

TABUNG AMANAH DERMA KEBAJIKAN PERWIRA NEGARA

2. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah wang yang dikutip oleh Tabung Amanah Kebajikan Perwira-perwira Negara hingga 30hb September, 1975;
- (b) sesiapa yang layak mendapat faedah Tabung ini; dan
- (c) beberapa banyak wang yang telah dibayar kepada mereka yang layak menerimanya sehingga 30hb September, 1975.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah wang dalam Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara hingga 30-9-1975 ialah \$5,031,119.28 (Lima juta tiga puluh satu ribu seratus sembilan belas ringgit dua puluh lapan sen).
- (b) Tabung Amanah ini diadakan khas untuk Anggota-anggota Pasukan Keselamatan yang hilang upaya akibat kecederaan semasa menjalankan tugas mempertahankan negara daripada pencerobohan musuh ataupun dalam tugas mengekalkan ketenteraman awam ataupun semasa menjalankan sesuatu tindakan yang berani untuk negara. Sekiranya mereka terkorban semasa menjalankan tugas rasmi, maka isteri, anak-anak atau tanggungan mereka akan diberi bantuan daripada Tabung itu. Kerajaan telah juga bersetuju supaya bantuan Tabung ini diberi kepada isteri, anak-anak dan tanggungan Kakitangan Awam Kerajaan yang terkorban atau kepada Kakitangan Awam Kerajaan yang hilang upaya akibat serangan atau angkara pengganas komunis semasa menjalankan tugas rasmi mereka.
- (c) Jumlah wang yang telah dikeluarkan sehingga 30-9-1975 ialah \$192,144.34 (Seratus sembilan puluh dua ribu seratus empat puluh empat ringgit tiga puluh empat sen).

LANTIKAN SENATOR DARI SABAH

3. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang menambah bilangan Senator yang akan dilantik dari Sabah, jika ya, berapakah tambahannya.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perkara 45 (1) (a) Perlembagaan Persekutuan, tiap-tiap negeri adalah diwakili oleh dua orang ahli di Dewan Negara, iaitu ahli-ahli yang dipilih oleh Dewan Perundangan Negeri yang berkenaan. Oleh itu tidaklah boleh ditambah ahli Dewan Negara yang dipilih dari Negeri Sabah kepada lebih daripada dua kerana bilangan ahli yang dipilih oleh negeri-negeri telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, iaitu dua orang, melainkan bilangan ahli daripada negeri-negeri lain juga ditambah mengikut Perkara 45 (2) Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perkara 45 (1) (b) pula 32 orang ahli Dewan Negara adalah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong daripada orang-orang yang telah berbuat jasa cemerlang dalam perkhidmatan awam atau telah mencapai kepujian dalam lapangan profesyen, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat atau yang mewakili kaum-kaum yang kecil bilangannya atau yang mempunyai kebolehan mewakili kepentingan orang-orang asli. Lantikan-lantikan ini tidaklah dibuat berdasarkan kepada formula tertentu mengenai bilangan yang mesti dilantik dari sesuatu negeri-negeri. Oleh itu, soal menambah atau mengurangkan ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik menurut Perkara 45 (1) (b), mengikut negeri-negeri tidaklah timbul.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, menurut Perkara 45 (4) Perlembagaan ada peruntukan bahawa Parlimen boleh dengan undang-undang:

- (a) menambah bilangan ahli-ahli yang akan dipilih bagi tiap-tiap satu Negeri hingga tiga orang;
- (b) membuat peruntukan supaya ahli-ahli yang akan dipilih bagi tiap-tiap satu Negeri dipilih dengan undi terus oleh pemilih-pemilih Negeri itu;
- (c) mengurangkan bilangan ahli-ahli yang akan dilantik atau menghapuskan ahli-ahli yang dilantik.

Adakah Kerajaan mengadakan sebarang cadangan untuk mempertimbangkan kemungkinan di bawah Perkara 45 (4) ini?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat keadaan sekarang memuaskan.

KAKITANGAN KERAJAAN LETAKKAN JAWATAN

4. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) bilangan kakitangan Kerajaan dalam jawatan berpenen yang berhenti dan berkhidmat dalam Perkhidmatan Badan-badan Separuh Kerajaan dalam tahun 1974;
- (b) mengapakah mereka dibenarkan berbuat demikian, dan samada terdapat sebarang perbezaan di antara perkhidmatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun Separuh Kerajaan, Jika ya, nyatakan perbezaan itu;
- (c) samada Kerajaan sedar jika perkara ini berterusan ia akan merosakkan perkhidmatan Kerajaan yang ada sekarang ini dan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi perkara ini; dan
- (d) samada Kerajaan bercadang menyamakan tanggungaji bagi jawatan-jawatan yang sama antara perkhidmatan Kerajaan dengan Perkhidmatan badan-badan Berkanun untuk mengelakkan perkara ini daripada berlaku, jika tidak, mengapa.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan yang sebenarnya tidak dapat dipastikan kerana kebanyakan daripada kakitangan Kerajaan dalam jawatan berpenen tidak mengemukakan alasan-alasan yang tertentu semasa membuat permohonan untuk meletakkan jawatan. Setakat yang diketahui hanya tiga orang sahaja kakitangan Kerajaan yang telah meletakkan jawatan dalam tahun 1974 dengan memberi alasan hendak berkhidmat dengan Badan Separuh Kerajaan.

Boleh dikatakan sesungguhnya kebanyakan pegawai-pegawai yang bertugas dalam Badan-badan Separuh Kerajaan pada masa ini ialah secara pinjaman (secondment).

- (b) Permohonan meletakkan jawatan se-orang pegawai diluluskan jika ia memberi notis yang diperlukan mengikut syarat perkhidmatannya dan jika ia-nya didapati tidak mempunyai apa-apa ikatan dengan pihak Kerajaan. Pada

keseluruhannya terdapat sedikit perbezaan di antara perkhidmatan Kerajaan dan Badan Separuh Kerajaan perbezaan ialah dari segi tanggungaji dan kemudahan-kemudahan lain (fringe benefits).

- (c) Badan-badan Separuh Kerajaan sebenarnya adalah agensi-agensi Kerajaan khususnya dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan berbeza sedikit dengan Jabatan-jabatan Kerajaan dari segi fungsi-fungsi—peranan-peranan (functions) yang dijalankan oleh Badan-badan itu. Oleh yang demikian, soal merosakkan perkhidmatan Kerajaan tidak timbul.
- (d) Sebagaimana yang diketahui umum, Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali telah ditubuhkan untuk menyelaraskan semua tanggungaji-tanggungaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi seluruh perkhidmatan awam termasuk Badan-badan Berkanun.

PENJAGA JENTERA ENCIK K. MARKASAGAYAM

5. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) sebab mengapa Encik K. Markasagayam, seorang kakitangan Parlimen yang telah diiktirafkan sebagai seorang Penjaga Jentera Gred Satu (Chargeman Grade One) di Perkhidmatan Parlimen selama sepuluh tahun sejak pembukaan Bangunan Parlimen pada tahun 1963 berdasarkan pengalamannya itu menurut Fasal 8 Bab A Perintah Am, diberitahu pada bulan Disember tahun 1972 bahawa beliau tidak lagi dianggap sebagai Penjaga Jentera Grade Satu yang berkelayakan dan telah tidak membenarkan menjalankan tugasnya melainkan di bawah penyeliaan seorang Penjaga Jentera yang berkelayakan;
- (ii) mengapa pihak yang berkuasa melayankan seorang pekerja yang taat-setia, bekerja begitu lama, berpengalaman dan berdedikasi dengan layanan yang tak senonoh dan ketidakadilan terutama sekali apabila memandang perkhidmatannya semasa insiden Mei 13, di mana beliau dengan tidak mendapatkan makanan dan minuman telah menjaga jentera-jentera di Bangunan

Parlimen tanpa bantuan orang lain selama seminggu kerana pada masa itu Bangunan Parlimen telah digunakan sebagai pusat untuk Majlis Gerakan Negara (NOC) dan beliau pula diberi satu Sijil Penghargaan pada 31hb Ogos, 1969, oleh Timbalan Perdana Menteri pada masa itu selaku Pengarah Gerakan yang di antara lain mengatakannya: “Apabila menyumbangkan khidmatnya, Encik Markasagayam tidak menghiraukan bahaya dan mungkin akibat yang dihadapinya, kemungkinan kerosakan kepada harta dan masa dan juga tenaga yang diberinya. Pendirian dan kelakuannya menggambarkan kesedarannya tentang tanggungjawab terhadap negara yang mana sangatlah dihargai oleh Kerajaan”;

- (iii) samada memandang pengalaman dan dedikasi yang telah dibuktikan oleh Encik Markasagayam kerana dalam tahun 1963 beliau telah tanpa bantuan orang lain menyelenggarakan jentera-jentera kuasa (power works) di Kompleks Parlimen sebelum seorang lagi Penjaga Jentera diambil bekerja dan bersamanya untuk memikul tanggungjawab-tanggungjawabnya itu Perdana Menteri akan mengembalikan pengiktirafan Encik K. Markasagayam sebagai Penjaga Jentera Gred Satu menurut Fasal 8, Bab A, Perintah Am yang berbunyi: “Sesebuah Suruhanjaya berhak melantik pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dalam satu sekim perkhidmatan ke satu jawatan lain dalam mana-mana sekim perkhidmatan dengan syarat mereka difikirkan sesuai sungguhpun mereka tidak mempunyai semua kelayakan yang disyaratkan bagi jawatan-jawatan itu”, supaya Encik K. Markasagayam tidak akan rugi dalam bentuk elaun kerja lebihmasa serta rasa kepuasan dalam kerjanya bagi tahun terakhir dalam perkhidmatannya dengan Kerajaan yang bermula sejak 14hb Mac, 1938.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Encik K. Markasagayam adalah seorang daripada tiga orang Penjaga Jentera yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Parlimen. Beliau pada mulanya dilantik oleh Jabatan Kerja Raya sebagai seorang Penjaga

Jentera Gred I Sementara pada 12-9-1963 dan dipindahkan ke perkhidmatan Parlimen pada 1-1-1967, sebagai Penjaga Jentera Sementara Gred 1. Beliau tidak mempunyai Sijil Kelayakan.

Berkaitan dengan kawalan kelayakan di pepasangan letrik Pemeriksa Letrik Kanan (Tengah), Pejabat Ketua Pemeriksa Letrik Tanah Melayu dalam surat KPL 8/8/1739/17 bertarikh 24-11-72 menyatakan oleh kerana Encik K. Markasagayam adalah seorang Penjaga Jentera tanpa sijil kelayakan maka hendaklah dianggap beliau itu bertugas sebagai pembantu sahaja kepada dua orang Penjaga Jentera yang lain dan bertanggungjawab sepenuhnya terletaklah kepada Penjaga Jentera yang bersijil.

Berkenaan dengan soalan-soalan (ii) dan (iii), walaupun Encik K. Markasagayam mempunyai tanggungjawab yang kurang sebagai pembantu tetapi beliau dibayar gaji yang sama seperti dua orang Penjaga Jentera yang mempunyai Sijil Kelayakan iaitu \$500 sebulan. Jika sekiranya beliau bertugas lebihmasa maka beliau berhak mendapat bayaran sewajarnya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kes ini adalah satu kes di mana menunjukkan bahawa Kerajaan tidak mengenang jasa pekerja-pekerja yang bergaji rendah oleh kerana apabila Encik K. Markasagayam bekerja sebagai Penjaga Jentera Gred Satu untuk 10 tahun dan khususnya dalam masa dharurat 13hb Mei dengan tenaga yang tunggal mengendalikan jentera-jentera dan kompleks kuasa di Parlimen tidak ada apa-apa complaint ataupun sungutan bahawa dia tidak layak, dan kenapa selepas memegang jawatan itu sebagai Penjaga Jentera Gred Satu untuk 10 tahun baru perkara ini timbul. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini kenapa Fasal 8, Bab A, Perintah Am di mana diperuntukkan "Sesebuah Suruhanjaya berhak melantik pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dalam satu sekim perkhidmatan ke satu jawatan-jawatan lain dalam mana-mana sekim perkhidmatan dengan syarat mereka difikirkan sesuai sungguhpun mereka tidak mempunyai semua kelayakan yang disyaratkan bagi jawatan-jawatan itu" tidak dilaksanakan di dalam perkara ini.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi Encik K. Markasagayam ini dibayar gaji saolah-olah dia ada mempunyai sijil. Jadi, saya tidak nampak kerugiannya di sini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa selepas arahan di tahun 1972 menukarkan jawatannya atau kedudukannya dia telah hilang hak bekerja overtime. Itu kerugian yang pertama, yang kedua sebagai seorang yang mempunyai kelayakan tetapi diakui tidak layak dan tidak boleh bekerja tanpa seorang yang lain menjaganya. Satu lagi kerugian ialah satisfaction of work atau kepuasan bekerjanya sudah hilang. Inilah kes seorang yang berkorban terhadap negara yang telah mendapat satu sijil penghargaan pada masa itu Pengarah

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa? Itu keterangannya.

Tuan Lim Kit Siang: Kerugian yang dialami oleh Encik K. Markasagayam semacam disebutkan dalam satu perenggan di dalam sijil ini "Adalah diharapkan dengan adanya penghargaan ini satu semangat yang baharu akan lahir untuk Encik K. Markasagayam berusaha dengan lebih giat lagi bagi mencapai perpaduan yang erat di antara semua penduduk-penduduk di Malaysia ini." Bagaimana boleh dapat semangat yang baharu di mana kedudukannya sudah diturunkan. Oleh kerana dia ada lagi satu tahun sahaja berkhidmat dengan negara ini, dengan mengakui pengorbanan dan sumbangannya kepada negara, bolehkah pihak yang berkenaan atau Yang Berhormat Timbalan Menteri menggunakan jasa baiknya untuk membolehkan Fasal 8 Bab A Perintah Am digunakan dan beri dia, bukan sahaja kepuasan kerja dan tidak kerugian dalam segi overtime.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi jika sekiranya Encik K. Markasagayam ini bertugas lebihmasa, maka beliau berhak menerima bayaran sewajarnya. Berkenaan perkara yang dikatakannya tadi saya akan ambil perhatian.

SENJATA OLEH ANGKATAN TENTERA

6. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Pertahanan menerangkan samada senjata yang digunakan oleh Angkatan Bersenjata kita dari jenis yang bermutu dan memuaskan, dari segi pemakaiannya.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pada amnya senjata yang digunakan oleh Angkatan Tentera kita adalah jenis yang baik dan sesuai dengan kehendak kita. Sungguhpun begitu telah terdapat sedikit masalah mengenai rifle jenis HK 33, iaitu setelah diadakan ujian penilaian yang comprehensive. Langkah-langkah telahpun diambil untuk membaikinya. Saya sukacita memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan telah juga bersetuju melengkapkan Angkatan Bersenjata dan juga Polis kita dengan rifle jenis M 16 bagi masa hadapan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa pada amnya adalah memuaskan, tetapi ada didapati bahawa rifle jenis HK 33 ada perkara-perkara yang tidak memuaskan. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan mengapa sebab-sebab maka rifle HK 33 dibeli tanpa diperiksa sebelum keputusan diambil.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telahpun dibeli dan setelah diadakan ujian dan penilaian yang comprehensive langkah telahpun diambil untuk membetulnya.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Apa yang dikehendaki oleh saya ialah adakah atau tidak rifle jenis HK 33 ini diperiksa oleh pakar-pakar senjata sebelum dibeli?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu soalan lain.

LADANG GETAH UNTUK TAPAK BANGUNAN SEKOLAH

7. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada ladang getah di atas tanah yang telah diambil oleh Kementerian

untuk tapak bangunan sekolah boleh dipajak untuk ditoreh sehingga kerja-kerja membina dimulakan;

- (b) samada Kementerian sedar bahawa permohonan dari pertubuhan belia tempatan di Sungai Petani untuk menoreh getah di sekeping tanah seluas 50 ekar yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mendirikan sebuah Maktab Latihan Perguruan, tidak dilayan sama sekali, dan bahawa dengan perbuatan ini Kerajaan kerugian \$1,500 setiap bulan; dan
- (c) bolehkah Menteri berkenaan menyatakan bilakah Sekolah Menengah Kota Kuala Muda akan didirikan dan sebab-sebab kelambatan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ladang getah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk tapak sekolah boleh dipajakkan untuk ditoreh sehingga kerja-kerja membina dimulakan.
- (b) Kementerian Pelajaran telah menerima permohonan daripada pertubuhan belia tempatan di Sungai Petani dan telahpun memajukannya kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan untuk pertimbangan dan kelulusannya. Mengikut Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan kebenaran untuk menoreh akan hanya dapat diberi setelah hakmilik bagi tanah tersebut diperolehi daripada Pemungut Hasil Tanah, Sungai Petani. Hingga masa ini hakmilik tanah tersebut sedang diperolehi.
- (c) Tawaran telah diterima dan kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada 1-12-1975 dan sekiranya tiada apa-apa halangan bangunan dijadual siap pada pertengahan tahun 1977.

Sebab utama mengapa berlaku kelambatan melaksanakan projek ialah kerana kos pembinaan yang tinggi. Ketinggian kos ini menyebabkan tawaran terpaksa dibuat beberapa kali dan ini memakan masa.

KAKITANGAN KEDUTAAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI

8. Tuan Mohd. Zahari bin Awang minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai di kalangan

isteri-isteri diplomat kita di luar negeri mempunyai kelayakan-kelayakan akademik, malah banyak yang lulus Universiti tetapi menghadapi "brain-drain" kerana mereka tidak diambil bertugas di Kedutaan-kedutaan atau di Suruhanjaya Tinggi kita, pada hal Kedutaan-kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi kita, sendiri mengambil kakitangan tempatan yang mungkin tidak mempunyai sifat dedikasi kepada Malaysia; dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengelakkan daripada "brain-drain" ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Hajj): Saya sedar tentang adanya isteri-isteri diplomat kita sungguhpun mempunyai kelayakan-kelayakan akademik tidak diambil bekerja sebagai kakitangan sambilan tempatan di perwakilan-perwakilan kita di luar negeri. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum sekiranya mereka diambil bekerja sudah tentulah persoalan-persoalan rumit seperti masaalah-masaalah disiplin, pengawasan dan juga pertentangan kepentingan (conflict of interests) akan timbul.

Sebagaimana yang dimaksudkan oleh istilah itu kakitangan sambilan tempatan adalah biasanya untuk penduduk-penduduk tempatan yang faham dengan adat resam, peraturan-peraturan dan bahasa tempatan yang membolehkan perwakilan-perwakilan kita berjalan dengan licin, lebih-lebih lagi dalam perkara-perkara pentadbiran dan perkara-perkara routine yang lain terutama yang berhubung dengan Kerajaan tuan rumah.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa setakat ini umpamanya banyak local staff kita disetengah-setengah tempat membocorkan rahsia-rahsia negara kita? Bolehkah pihak Yang Berhormat Menteri menerangkan sama-dia setakat ini telah ada kes-kes yang serupa itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu apa ada kena-mengena dengan soalan asal?

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Masaalah local staff.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak ada kena-mengena.

ORDINAN KEWARGANEGARAAN

9. Tuan Chieng Tiong Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa perkataan "MALAYA" dalam perenggan Peraturan 8 (2), Seksyen 6 Peraturan-peraturan Kewarganegaraan, Bahagian III Jadual Kedua Ordinan Kewarganegaraan adalah bercanggah dengan penubuhan Persekutuan Malaysia; dan
- (b) jika ya, adakah beliau akan menimbang menggantikan perkataan "MALAYA" dengan perkataan "MALAYSIA" dan menambah perkataan-perkataan "FEDERATION OF MALAYSIA" selepas perkataan-perkataan "MERDEKA DAY".

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang serupa telahpun dikemukakan dalam sidang Dewan ini pada 17-7-1975 dan saya telahpun memberikan jawapannya.

PEMERIKSAAN PENGGALAN (PERIODIC CHECK) KAPALTERBANG

10. Raja Nasron bin Raja Ishak (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada MAS menjalankan pemeriksaan penggalannya (periodic check) di dalam negeri (Kuala Lumpur) atau di luar negeri (Sydney).

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan penggalan kapalterbang jenis Boeing 707 telah dijalankan di Sydney dan pemeriksaan penggalan kapalterbang jenis B737 dan F27 adalah dijalankan di Kuala Lumpur.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa kapalterbang B707 pemeriksaannya di Sydney; B737 dan B727 pemeriksaannya dijalankan di Kuala Lumpur. Apakah sebab-sebab maka tidak dapat kesemua jenis kapalterbang ini dibuat pemeriksaannya di Kuala Lumpur? Adakah ini

kerana kekurangan alat atau kemudahan atau pengalaman? Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan dan boleh diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk mengelakkan supaya belanja yang berlebihan dapat dijimatkan?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, MAS perlu menghantar B707 ke Sydney untuk pemeriksaan penggalan ataupun major maintenance oleh kerana kekurangan juruteknik—expertise, kelengkapan (equipment) dan barang-barang ganti (spare parts).

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini MAS hanya mempunyai tiga buah jet jenis B707 dan adalah terlalu mahal untuk mengadakan keperluan-keperluan tersebut di Kuala Lumpur untuk dibuat pemeriksaan di sini. Tetapi seperti mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, langkah-langkah akan dijalankan untuk kita mengadakan semua pemeriksaan di satu masa akan datang.

LANJUTAN PELAJARAN KE NEW ZEALAND

11. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan samada wajib bagi pemegang-pemegang H.S.C. untuk lulus Bahasa Malaysia diperingkat M.C.E. sekiranya mereka ingin melanjutkan pelajaran ke New Zealand. Jika ya, mengapa?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, tidak wajib, kelulusan Bahasa Malaysia tidak diperlukan untuk melanjutkan pelajaran ke New Zealand.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hock. Tak ada.

(Soalan No. 12 Y. B. Tuan Lim Cho Hock tidak hadir).

TAMAN NEGARA

13. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Tanah dan Galian dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan apakah rancangan-rancangan supaya rakyat-rakyat juga pelancung-pelancung dapat melawat Taman Negara dengan mudah dan dengan bayaran yang rendah.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum, Taman Negara kita terletak di satu kawasan yang sangat terpencil dan kemudahan-kemudahan perjalanan ke kawasan ini adalah sangat sukar kerana tiada jalanraya yang dapat sampai terus ke tempat tersebut. Pada masa ini motobot-motobot adalah ditempatkan (berpengkalan) di Kuala Tahan dan terpaksa pergi ke Kuala Tembeling untuk mengambil pelawat-pelawat ke Taman Negara. Motobot-motobot ini menggunakan minyak petrol dan sudah tentu perjalanan sejauh lebih kurang 40 batu itu tambangnya agak tinggi. Pada masa ini pelawat-pelawat terpaksa menempah sebuah motobot bagi perjalanan ini walaupun bilangannya seorang atau dua orang. Perbelanjaan tambang pada masa ini dapat dikurangkan sekiranya mereka melawat dengan cara kumpulan atau beramai-ramai.

Mulai tahun hadapan apabila Taman Negara menyambung perkhidmatannya selepas banjir dalam bulan Februari adalah dicadangkan bahawa operasi bot-bot pelancung akan ditempatkan di Kuala Tembeling dan tidak lagi di Kuala Tahan sepertimana diamalkan dalam masa-masa yang telah lalu. Langkah ini adalah diharapkan akan dapat mengurangkan bayaran tambang ke Taman Negara kepada setengah daripada apa yang dikenakan sekarang. Kajian juga sedang dijalankan dan sekiranya didapati sesuai bot diesel akan digunakan untuk mengurangkan lagi bayaran perjalanan ke Taman Negara.

Sebuah pejabat akan diadakan di Kuala Tembeling bagi menerima pelawat-pelawat yang ingin membuat lawatan ke Taman Negara.

Bagi pelawat-pelawat yang ingin membuat lawatan ke Taman Negara penempahan-penempahan hendaklah dibuat terlebih dahulu dengan Jabatan Mergastua, Kuala Lumpur bagi menentukan supaya urusan dapat dijalankan dengan licin.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Galian ada membuat perkiraan agar mendapat kerjasama daripada syarikat-syarikat pelancungan bagi mendapatkan kemudahan untuk mengadakan lawatan ke tempat ini?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Mergastua, sentiasa bekerja rapat dengan tourist associations dan juga syarikat-syarikat pelancungan untuk menyelenggarakan lawatan ke tempat ini walaupun pengangkutan adalah dibuat oleh Jabatan Mergastua sendiri.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan satu lagi. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang hendak mengadakan satu kawasan pendaratan helikopter dengan kerjasama pihak Perbadanan Pelancungan Malaysia supaya mereka yang berhasrat untuk melawat ke sana dapat pergi dengan lebih aman dan lebih cepat di antara Kuala Lumpur dan tempat-tempat yang saya katakan tadi.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, pada setakat ini Kementerian ini tidak ada bercadang hendak mengadakan satu kawasan pendaratan untuk helikopter kerana ianya mungkin merosakkan kawasan National Park ini.

BAS KEPUNYAAN BUMIPUTRA

14. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

(a) berapa banyakkah lesen-lesen bas yang telah dikeluarkan mengikut jenis-jenis berikut:

- (i) Bas biasa;
- (ii) Bas Express;
- (iii) Bas Pelancung (Bas Pesiaran);
- (iv) Bas Sekolah;
- (v) Bas Kilang;
- (vi) Bas Mini.

(b) berapa banyakkah dari lesen-lesen itu yang dimiliki oleh Bumiputra;

(c) berapa buahkah bas-bas Pelancung (Bas Pesiaran) dari Thailand dan Singapura yang datang ke Malaysia dalam tahun 1974 dan apa-apakah syarat yang dikenakan kepada bas-bas itu bila hendak melawat negara ini.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Jumlah lesen yang telah; dan

(b) dikeluarkan dan jumlah lesen yang dimiliki oleh Bumiputra adalah seperti berikut:

	<i>Jumlah lesen Bil. dikeluarkan</i>	<i>Lesen dimiliki oleh Bumiputra</i>
(i) Bas Biasa (Syarikat-syarikat Bas) ...	170	44
(ii) Bas Express ...	66	25
(iii) Bas Pelancung ...	271	172
(iv) Bas Sekolah (dijalankan oleh individu)	3,723	1,061
(v) Bas Kilang ...	205	83
(vi) Bas Mini (Wilayah Persekutuan sahaja)	214	93 (121 dibenarkan kepada Syarikat Kerjasama dan Joint-Venture)

(c) Bilangan bas-bas Pesiaran (Bas-bas Pelancung) yang datang dari Thailand dan Singapura ke Malaysia dalam tahun 1974 adalah seperti berikut;

BILANGAN BAS

Thailand	Singapura
20 buah	98 buah

Syarat-syarat yang dikenakan kepada Bas Pesiaran dari Singapura adalah seperti berikut:

- (i) untuk membawa pelancung-pelancung luar negeri dari Singapura sahaja;
- (ii) Pemandu Pelancung Malaysia yang berkelayakan (qualified Malaysian Tourist Guide) hendaklah digunakan bagi mengikut Bas Pesiaran tersebut semasa bas tersebut membuat lawatan ke Malaysia.
- (iii) Pembayaran cukai jalan hendaklah dibayar terlebih dahulu di Pejabat Pengangkutan Jalan Johor Bahru sebanyak \$60 setahun bagi kegunaan jalanraya kita.

Mengenai syarat-syarat yang dikenakan bagi bas Pesiaran dari Thailand ialah:

- (i) Bas Pesiaran tersebut mestilah mengadakan satu surat pengesahan dari pihak Berkuasa Thailand sebagai Bas Pelancung.
- (ii) Bas Pesiaran ini juga dikehendaki mengambil insuran sepertimana mengikut kehendak-kehendak dalam Undang-undang Motor Vehicles (Third Party Risk) Rules 1959.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kebanyakan bas-bas biasa yang dijalankan oleh syarikat-syarikat bumiputra ini adalah di kawasan-kawasan pendalaman atau kawasan-kawasan jalan baru di mana jalannya rosak dan overhead costnya terlampau tinggi. Adakah beliau mencadangkan supaya cukai jalan kepada bas-bas yang dipunyai oleh bumiputra ini dikurangkan sedikit memandangkan kepada perbelanjaan yang begitu besar, sehingga jalan itu baik pada masa yang akan datang.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya pada setakat ini belum ada menerima sebarang permintaan yang telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan jika pada masa yang akan datang ada pula rayuan seperti itu dibuat kepada Kementerian saya maka kita akan timbangkan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan lesen yang diberi untuk bas biasa ialah daripada 170 yang dikeluarkan hanya 44 kepada bumiputra. Saya suka hendak bertanya samada Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk hendak menambahkan bilangan lesen yang akan dikeluarkan kepada bumiputra supaya bilangan 44 itu bertambah.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, keadaan participation bumiputra dalam bidang ini adalah sentiasa dikawal dan diawasi oleh Kementerian saya dan dari semasa ke semasa jika perlu dan jika ada permintaan daripada kaum bumiputra Kementerian saya memanglah akan menimbangkannya.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, daripada kenyataan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi menunjukkan semua lesen yang telah dikeluarkan untuk bumiputra lebih kurang daripada yang bukan bumiputra. Apa yang saya ingin tahu adakah disebabkan bumiputra kurang memohon lesen-lesen ini ataupun yang memohon itu kurang kelayakan termasuk yang saya rasa amat penting sekali mini bas yang baru dikeluarkan lesenpun kurang diberi kepada bumiputra—saya minta penjelasan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua sebab yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini telah berlaku. Misalnya, dalam hal bas mini itu permohonan pun kurang juga dan yang hendak menjalankan urusan itupun kurang, bukan kelayakan tetapi kemampuan, sebab jika hendak menjalankan mini bas misalnya sebuah mini bas costnya lebih kurang \$30,000.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berpuas hati dengan nisbah berkenaan dengan perkhidmatan bas biasa iaitu daripada 170 lesen yang telah dikeluarkan 44 sahaja yang diberi kepada bumiputra. Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tidak puas hati, apakah tindakan-tindakan yang beliau ambil untuk mengatasi masalah itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat melarang soalan yang seperti itu.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bersedia menimbang sekiranya ada pihak bumiputra yang memohon untuk mendapatkan lesen-lesen bas mini dan sebagainya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itupun soalan yang sukar hendak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri kerana ada syarat-syaratnya.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi menyatakan Bas-bas Persiaran daripada Singapura dikenakan bayaran iaitu \$60 setahun. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang hendak menambahkan bayaran (fees) yang dikenakan iaitu sebanyak \$60 itu ditambah supaya sejajar dan selaras dengan keadaan pada hari ini.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak.

PERATURAN BARANGAN ANTARABANGSA

15. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mendapatkan peraturan barangan antarabangsa yang memuaskan bagi bahan-bahan mentah kita seperti getah, bijih timah, kayu-balak dan minyak kelapa sawit, dan apa kemajuan yang telah dicapai untuk mendapat sokongan negara-negara pengguna mengenai peraturan barangan yang dicadangkan itu.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan percaya bahawa perjanjian-perjanjian antarabangsa patut diadakan untuk menentukan harga yang memuaskan dan stabil untuk barang-barangan utama. Langkah-langkah yang wajar telahpun dan akan terus diambil ke arah ini. Malaysia sendiri telahpun memainkan peranan yang penting dan aktif di peringkat antarabangsa terutama sekali, misalnya, dalam perundingan ke arah pencapaian Perjanjian Timah Antarabangsa Ke 5. Kesyediaan Kerajaan Amerika Syarikat berserta sebagai ahli Majlis Timah Antarabangsa memandangkan bahawa ianya adalah pengguna bijih timah yang terbesar dan juga hakikat bahawa ianya mempunyai simpanan strategik timah yang sangat besar membuktikan kejayaan peraturan barangan antarabangsa ini.

Berkenaan dengan getah asli sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, langkah-langkah sedang pesat diambil untuk menubuhkan satu skim penstabilan harga antarabangsa. Perbincangan telah tiba ke peringkat di mana cuma ada satu dua perkara sahaja yang kita harap akan dapat diselesaikan tidak berapa lama lagi.

Mengenai kayu balak, langkah permulaan telah dibuat oleh Pesatuan-persatuan Pengeluar Kayu Balak di Indonesia, Malaysia dan Filipina yang telah menubuhkan Persatuan Pengeluar-pengeluar Kayu Balak Asia Tenggara. Hasil daripada usaha-usaha yang telah dijalankan setakat ini sedikit sebanyak kejayaan telahpun dicapai dalam usaha mengawal penawaran kayu balak mengikut permintaan antarabangsa dan dengan demikian mendapatkan harga-harga yang lebih memuaskan.

Berhubung dengan minyak kelapa sawit pula, skim penstabilan harga adalah didapati masih tidak praktik memandangkan kepada beberapa faktor teknik dan lain-lain lagi termasuk bahawa minyak kelapa sawit hanya merupakan lebih kurang 5 hingga 7% sahaja daripada keseluruhan pasaran bahan-bahan minyak makan dan lemak dalam mana terdapat beberapa banyak lagi bahan minyak dan lemak yang bersaing. Juga mutu minyak kelapa sawit didapati turun sekiranya disimpan lama. Memandangkan kepada faktor-faktor yang tersebut adalah lebih wajar untuk dicuba mencapai penstabilan yang lebih dalam pendapatan eksport daripada perjanjian antarabangsa.

JENAYAH—LANGKAH MENGATASI

16. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah pihak Kementerian untuk mengatasi bertambahnya berbagai-bagai jenis jenayah yang amat dikutuk yang tidak menyenangkan rakyat seperti rompak-merompak, colek-mencolek, bakar-membakar dan sebagainya di bandar-bandar besar dan yang telah merebak secara berluasan ke bandar-bandar kecil di seluruh Malaysia termasuk di Negeri Kelantan;
- (b) apakah langkah pihak jawatankuasa khas untuk mengatasi masalah ini; dan
- (c) samada ini disebabkan kekurangan tenaga kemahiran atau alat-alat kegunaan pada pihak yang berkuasa.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, beberapa soalan mengenai perkara jenayah telahpun saya menjawabnya dalam sidang Dewan ini. Memandangkan bahawa pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ini seakan-akan sama dengan soalan-soalan yang telah sudah, maka saya tidak bercadang untuk menjawab lagi.

KEANGGOTAAN ASEAN

17. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada terdapat sebarang kemungkinan usaha-usaha yang telah dijalankan bagi membolehkan Negara Papua New Guinea yang baru merdeka itu memasuki ASEAN.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, keanggotaan ASEAN adalah terbuka kepada negara-negara dalam kawasan Tenggara Asia dan kemasukan ahli baru adalah diputuskan secara konsensus kesemua lima anggota ASEAN. Tiada apa-apa langkah dibuat oleh negara-negara Papua New Guinea untuk menjadi anggota ASEAN.

PERUSAHAAN DI KAWASAN LUAR BANDAR

18. Tuan Sibat Miyut anak Tagong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan perusahaan beralih ke kawasan-kawasan luar bandar Sarawak untuk memperluaskan perkembangan ekonomi supaya lebih samarata lagi di seluruh negeri; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menubuhkan perusahaan di kawasan-kawasan yang kurang maju bagi menggalakkan perkembangan ekonomi yang samarata di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah menjadi dasar Kerajaan menggalakkan lebih banyak lagi perusahaan-perusahaan di kawasan-kawasan kurang maju di negara ini. Dasar ini walau bagaimanapun perlu dilaksanakan dengan teratur. Di Negeri Sarawak beberapa kawasan telah diisytiharkan sebagai kawasan perusahaan. Kawasan-kawasan itu adalah: Pending, Semeriang dan Pissau.

Memandangkan kepada keseluruhan ke tiga-tiga kawasan perusahaan yang diperuntukkan itu belum lagi diusahakan sepenuhnya, adalah agak sukar di peringkat ini bagi membawa dan menempatkan perusahaan-perusahaan lain di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak selain daripada apa yang telah disebutkan di atas. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat seluruh Negeri Sarawak telahpun diisytiharkan sebagai kawasan

pembangunan bagi maksud galakan-galakan taraf perintis, Kredit Cukai Pelaburan dan Galakan Menggunakan Buruh. Seluruh negeri ini juga telah diisytiharkan sebagai kawasan galakan penempatan bagi maksud-maksud yang sama. Ini adalah berbeza dengan keadaan di beberapa buah negeri yang lain di mana hanya beberapa kawasan sahaja telah diisytiharkan sebagai kawasan pembangunan atau kawasan galakan penempatan.

- (b) Mengenai soalan ini penjelasan telahpun diberikan beberapa kali di Dewan ini ketika menjawab soalan Yang Berhormat dari Sungai Siput pada 19-11-1975 dan Yang Berhormat dari Parit pada 21-11-1975 yang lalu.

MASYARAKAT PELADANG—MENYUSUN SEMULA

19. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat peladang bagi membawa perubahan-perubahan kepada adat resam supaya mereka dapat menyumbang dengan berkesan terhadap keadaan ekonomi negara ini untuk memperkukuhkan lagi perpaduan negara.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, langkah utama ialah menyusun masyarakat peladang dengan menubuhkan koperasi-koperasi peladang. Ini diusahakan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang dan dengan wujudnya koperasi-koperasi ini akan mudahlah tenaga-tenaga peladang mengembeling ke arah memodenkan sektor pertanian. Pada masa ini terdapat 163 buah koperasi peladang telah diwujudkan dengan cara menyatukan 120 buah Persatuan Peladang dengan 1,000 buah Syarikat Kerjasama berasaskan pertanian. Matlamat Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar ialah menubuhkan 210 koperasi peladang menjelang tahun 1980.

KEMUDAHAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU

20. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada benar bahawa beliau telah mengatakan di dalam satu ucapan yang

dibuatnya di sebuah kampung baru di Melaka pada 21hb Julai, 1975, bahawa Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru akan menjual tanah di sekeliling kampung baru kepada penduduk-penduduk di kampung-kampung baru dengan harga asal dan janji serupa ini juga telah dibuat oleh bekas Menteri Kampung-kampung Baru apabila beliau melawat sebuah kampung baru di Muar pada tahun 1973; dan jika ya, nyatakan kemajuan yang telah dicapai di dalam perkara ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, Yang Berhormat Menteri telah membuat pengumuman berkenaan dengan suatu rancangan untuk mendapatkan kawasan tanah yang lebih luas berhampiran dengan Kampung-kampung Baru yang sedia ada. Semenjak itu pengumuman dasar telah juga dibuat bagi menubuhkan suatu kumpulan wang pusingan \$10 juta (revolving fund) untuk membiayai (di antara lain-lain) rancangan-rancangan meluaskan Kampung-kampung Baru di samping mengadakan kemudahan-kemudahan asas. Rancangan itu sedang disusun dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri di mana tanah-tanah yang sesuai ada berdekatan dengan Kampung-kampung Baru.

MARDI—MEMPERKENALKAN PADI BARU

21. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan sejak MARDI memperkenalkan padi baru Malaysia I, Malaysia II dan Pulut Malaysia I:

- (a) tempat dan keluasan (kiraan ekar) yang ditanam dengan jenis-jenis padi yang tersebut khususnya di Rancangan-rancangan Perairan Muda dan Kemubu;
- (b) nyatakan samada hasil mencapai 1,200 gantang seekar bagi Malaysia I; 900 gantang bagi Malaysia II; dan
- (c) sambutan petani-petani pada keseluruhannya.

Datuk Abdul Samad bin Idris: (a) Tuan Yang di-Pertua, padi-padi jenis ini belum lagi ditanam secara besar-besaran. Dalam musim

pertama tahun 1975 seluas 400 ekar di kawasan Kemubu, 750 ekar di Kawasan Muda telah ditanam dengan padi jenis Seri Malaysia I.

Berkenaan dengan Seri Malaysia Dua dan Pulut Malaysia Satu, seluas 2,000 ekar telah ditanam dengan jenis Seri Malaysia Dua dan 500 ekar dengan Pulut Malaysia Satu di Kawasan Muda. Padi-padi jenis ini tidak ditanam di Kawasan Kemubu.

(b) Hasil purata seekar padi Malaysia I di Kawasan Kemubu belum dapat dipastikan pada masa ini kerana penilaian mengenainya masih lagi dijalankan. Hasil purata yang diperolehi di kawasan Muda ialah sebanyak 583 gantang bagi Seri Malaysia I; 650 gantang Seri Malaysia II; 650 gantang Pulut Malaysia I.

(c) Pada keseluruhannya sambutan petani-petani kepada padi-padi jenis ini tidaklah berapa menggalakkan.

PENGIRING BAKAL-BAKAL HAJI—KEMUDAHAN

22. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai pengiring-pengiring bakal haji terpaksa berdiri dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur kerana ketiadaan tempat duduk dalam keretapi, jika ya, samada gerabak untuk penumpang-penumpang itu akan ditambah untuk mengatasi kesesakan itu.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telah merancang pada awal bulan September, 1975 sebuah Teren Khas khusus untuk bakal-bakal Haji dan pengiring-pengiring mereka. Mengikut yang dirancang, Teren Khas ini bertolak dari Tumpat dua hari sebelum tarikh pelayaran tiap-tiap Kapal Haji dari Pelabuhan Kelang. Perkhidmatan yang dirancang itu adalah hasil perundingan pihak-pihak Keretapi Tanah Melayu dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah bersetuju membuat pengumuman yang luas tentang perkhidmatan ini.

Teren ini diadakan tertakluk kepada minima 600 penumpang dari negeri-negeri Kelantan dan Pahang. Tetapi malangnya sambutan yang diberi kepada perkhidmatan

ini sangatlah mendukacitakan. Hanya se-golongan kecil sahaja iaitu kurang dari 10 orang yang membuat tempahan dengan Teren Khas ini bagi kedua-dua negeri. Walau bagaimanapun rancangan perkhidmatan ini akan diteruskan jika mendapat minima 600 tempahan yang diperlukan bagi tiap-tiap perjalanan.

Oleh kerana perkhidmatan ini tidak di-gunakan, mereka semua telah membuat per-jalanan dengan teren mel biasa dalamana dengan ini menimbulkan kesesakan kepada teren mel biasa. Namun begitu pada masa kesesakan ini, koc-koc telah ditambah kepada teren mel biasa untuk menampung keperluan penumpang-penumpang setakat mana yang boleh.

RANCANGAN KELAPA SAWIT, LUBOK ANTU

23. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada terdapat sebarang rancangan untuk mengadakan Ran-cangan Kelapa Sawit di Daerah Lubok Antu, jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan yang diterima daripada Jabatan Kemajuan Pertanian dan Kemajuan Masyarakat Sarawak ada satu kawasan seluas 1,000 ekar telahpun ditindik bagi rancangan ini. Pada masa ini seluas 3,200 ekar telah selesai diukur dan projek ini akan dilaksanakan apabila kerja ukur-mengukur bagi semua kawasan itu selesai.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 adalah seperti di bawah ini).

BAYARAN KEPADA PENGUJI DREBAR

12. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan adakah Menteri sedar bahawa mereka yang ingin mengambil ujian memandu kereta dikehendaki membayar duit teh kepada pemeriksa memandu. Jika benar, apa langkah beliau bercadang mengambil untuk mengelakkan rasuah.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Ya, saya sedar dan Kementerian saya memang ada menerima pengaduan-pengaduan umum dari-pada orang ramai tentang adanya bayaran

duit teh kepada Penguji-penguji Drebar di mana pengaduan yang khusus diterima terhadap mana-mana pegawai yang curang dan sabit pula pengaduan itu setelah di-siasat, maka tindakan Mahkamah adalah diambil ke atas pegawai yang bersangkutan.

Perhatian Ahli Yang Berhormat jua di-tarik kepada jawapan saya kepada soalan yang serupa yang telah dikemukakan pada 22hb Julai, 1975 di dalam mesyuarat yang lalu.

Sukalah saya menegaskan sekali lagi bahawa dalam hal ini kerjasama dari semua pihak hendaklah sentiasa ada bukan sahaja bagi membasmi kejadian-kejadian seumpama ini yang dikatakan berlaku di kalangan Penguji-penguji Drebar ini tetapi juga yang mungkin berlaku di mana-mana sahaja dan tidak ada gunanya sekiranya tuduhan-tuduhan dibuat secara umum sahaja kerana tindakan-tindakan yang tepat sukar dapat diambil ke atasnya. Saya memberi jaminan di sini bahawa di mana sahaja pengaduan-pengaduan yang konkrit diterima, dan penyiasatan telah dijalankan, maka Kement-erian ini tidak teragak-agak mengambil tindakan ke atas pegawai-pegawai yang sabit kesalahan mereka. Oleh kerana yang demikian, saya sukalah merayu kepada orang ramai termasuk juga Ahli Yang Ber-hormat supaya mengemukakan laporan-laporan yang khusus bagi membolehkan tindakan diambil terhadap sesiapa jua yang berkelakuan curang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1976

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 dan Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (21hb November, 1976).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa (Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyambung ucapannya.

Kepala B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11 dan B. 12 (Jadual)-Kepala P. 8 dan P. 10 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

3.25 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin meneruskan ucapan dalam bahasa Inggeris.

Saya menyentuh Kepala B. 8 Kod 1100. Aktiviti (4) muka 49 mengenai Keselamatan Negara. Dalam dokumen Perbendaharaan yang dikemukakan bersama-sama dengan Anggaran Budget 1976 di muka 59 ada dituliskan:

“Majlis Keselamatan Negara telah ditubuhkan untuk bertanggungjawab bagi penyelarasan dasar-dasar yang berkaitan dengan keselamatan negara termasuklah pengarahannya gerakan operasi yang diadakan oleh pasukan keselamatan negara termasuklah pengarahannya gerakan operasi yang diadakan oleh pasukan keselamatan, selain daripada bertanggungjawab bagi penyelarasan dasar-dasar yang berkaitan dengan keselamatan negara, ia bertanggungjawab juga mengenai perkara-perkara yang mempunyai implikasi keselamatan.”

Di muka 69 ada lagi ditulis:

“Majlis Keselamatan Negara seperti tersebut matlamatnya di atas sentiasa mengkaji punca-punca ancaman keselamatan kepada negara yang boleh timbul dalam berbagai corak samada secara langsung atau tidak langsung. Pihak penganas-penganas kominis dan kunci-kunci penyokongnya sentiasa mencuba mengujudkan kacaubilau di dalam negara untuk tujuan-tujuan tertentu mereka.

Keadaan keselamatan pada masa hadapan akan lebih rumit kerana usaha-usaha penganas kominis membentuk barisan gurila bandar. Majlis Keselamatan Negara akan memperkemas usaha-usaha

pendekatan yang lebih “integrated” untuk menghapuskan ancaman dan dinilai dari masa ke semasa.”

(Dengan izin) Last Wednesday, Tuan Pengerusi, the Honourable Member for Payang had asked what is the Opposition's stand on the mounting communist killings, or to use his own words.

“Saya bertanya di sebelah manakah pihak Pembangkang berdiri dalam menghadapi soal hidup atau mati yang di dalamnya kita terlibat ini? Apakah sikap, apakah pendirian mereka berhadapan dengan percubaan dan tidak penganas-penganas yang taksub, yang hendak meruntuhkan semua yang telah kita bina sejak merdeka yang hendak menenyapkan demokrasi dan yang hendak meletakkan negeri ini di bawah telapak keganasan keadilkan yang paling kejam”.

As a nationalist, democratic socialist party, dedicated to bring about changes by lawful, constitutional means, we in the D.A.P. deplore violence of any kind. I wish to stress here, however, that the communist challenge cannot be met and overcome by denunciations, but only by the change of government policies to win popular support.

It is for this reason that we in the D.A.P. had sought to open the eyes of the Government to take various measures which would win the hearts and minds of the people. In this meeting of Parliament alone, I had sought to introduce a Bill to effectively eliminate corruption in high political places, another Bill to repeal Clause 21 (2) of the 1961 Education Act to provide for the continuation of Chinese and Tamil primary schools without the fear of the Sword of Damocles of conversion hanging over their heads; and during the Budget debate, to urge the Government to grapple with the paramount economic task of fighting poverty and to prevent rich Malays from making use of the second prong objective of the New Economic Policy to exploit and oppress the poor Malays. All these proposals go to the heart of the battle to win the people's confidence. The Barisan Nasional Government, however, is too short-sighted to see where the real national interests lie.

The Honourable Member for Payang challenged the Opposition to state where it stands. I declare here that the D.A.P. stands firmly, unwaveringly and steadfastly with all those forces which uphold the democratic rights of Malaysians, fight corruption, eliminate class exploitation and are committed to the building of a genuinely multi-racial Malaysian nation.

Can the Barisan Nasional Government pass all these four tests? For if the Barisan Nasional Government cannot pass these four tests, then it is in fact creating the conditions for the communist struggle to flourish and thrive. In fact, it is the activities of Barisan Nasional leaders like the Honourable Member for Payang who, as is public knowledge, was chiefly responsible for the unjustified and arbitrary detention of Datuk James Wong on trumped-up charges, which are responsible for the erosion of public confidence in the Government. This means the neutralisation of the ground and the opening up of the battle for the hearts and minds of the people, among which, the Malayan Communist Party is one of the contestants.

The Communist challenge, Tuan Pengerusi, can only be met if it is recognised and admitted that it is basically a multi-dimensional political, economic, social and cultural challenge.

After the communist victories in South Vietnam and Cambodia, the Honourable the Prime Minister sought to make a distinction between the communists in Indo-China and Malaysia in remarking that the people of Indo-China "fought for national liberation from foreign influence and domination", while describing the communists in Malaysia as "pure bandits".

A government mentality of regarding the communists in Malaysia as "pure bandits" would inhibit those in authority from responding to the inherently political, economic, social and cultural challenge posed by the Malayan Communist Party. It should be noted that many of the communist leaders in the world, including Chairman Mao Tze Tung, had in their early days been described as "pure bandits" by their opponents.

I make this important point for I detect a failure or unwillingness on the part of those

in authority to realise the real nature of the communist challenge.

I also detect another official mentality in under-estimating the capacity of the Malayan Communist Party, which is also exhibited in the Honourable Member for Payang's speech last Wednesday, when he likened the Malayan Communist Party cadres as "cornered rats", who, he said, would continue to "indulge in these individual and isolated acts of terror in their futile attempt to break our will, to mar our image and to drive investment capital away."

If the Malayan Communist Party cadres are "cornered rats", then all that is needed is a bit of time to mop them up and eliminate them, without any need for serious concern or extraordinary measures to be taken, for "cornered rats" cannot pose any serious challenge to the entire political system, and only await time to become, to continue the Honourable Member for Payang's analogy, "dead rats".

To deal with "cornered rats", there can also be no justification for the extraordinary expenditures which the Government is planning for the expansion

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, I must warn you that we are now—please sit down when the Chair speaks—in Committee. What you are saying now should have been said when the general principles of Government policy were discussed. You are referring to Ahli Yang Berhormat dari Payang. He spoke during the general debate. Please proceed.

Tuan Lim Kit Siang: I am referring to the policy of this particular Ministry only. I am not referring to general Government policy as such.

Tuan Pengerusi: Yes, but you are speaking under which subject?

Tuan Lim Kit Siang: National security.

Tuan Pengerusi: National security is specific. I can give you a certain amount of latitude, but do not go too far.

Tuan Lim Kit Siang: Yes, thank you, Tuan Pengerusi, to deal with "cornered rats", there can also be no justification for the

extraordinary expenditure which the Government is planning for the expansion of the police and defence forces, both in terms of personnel and equipment, seriously undermining developmental efforts of the country.

On 22nd April, 1975, after attending a briefing of the Johore State Security Council, the Honourable Minister of Home Affairs said that the communists in Malaysia were indulging in an "impossible dream" if they thought they could score a victory in Malaysia similar to that in Cambodia and Vietnam. He said the Government knew who the communists were in the towns and in the rural areas and efforts were being made to round them up although it might take some time. He added, "With the co-operation of the people, this exercise will be even faster. We know the Reds' ways and methods of operation and it is just a matter of time".

Reduced to such simple, pure security terms, just like the "cornered rats" analogy, the approach of the communist challenge appears to be very simple to counter and if this problem is indeed so simple and straightforward, the communist challenge would not continue to increase in magnitude and intensity.

The mounting jungle and urban guerrilla activities were first explained as due to the three-way split of the Malayan Communist Party

Tuan Pengerusi: All this should not be said here at the Committee level.

Tuan Lim Kit Siang: With respect, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: You have been reading straight from your notes.

Tuan Lim Kit Siang: Yes, I am just referring to the notes.

Tuan Pengerusi: Everytime I tell you, you just continue reading.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, I am referring to national security.

Tuan Pengerusi: Which sub-head?

Tuan Lim Kit Siang: Page 48.

Tuan Pengerusi: Of what book? There are so many books.

Tuan Lim Kit Siang: Of the Budget proper.

Tuan Pengerusi: You may be reading the wrong book.

Tuan Lim Kit Siang: No, I am reading both books correctly. On page 48, Code 1100, item (4)—National Security (Keselamatan Negara), Gaji dan Upahan. If I may refer to the supplementary document

Tuan Pengerusi: Is it page 48?

Tuan Lim Kit Siang: Page 49.

Tuan Pengerusi: Where can you find page 48 in this book?

Tuan Lim Kit Siang: Page 48 is a white sheet.

Tuan Pengerusi: Yes, you are referring to the white sheet and reading from the white sheet. (*Ketawa*). Please proceed.

Tuan Lim Kit Siang: Thank you, Tuan Pengerusi. It is referring to the implications of security which the National Security Council is in overall charge and therefore it concerns very wide security implications.

The mounting jungle and urban guerrilla activities were first explained as due to the three-way split of the Malayan Communist Party

Tuan Pengerusi: You still read from your notes, though I have said that it should have been spoken in the general debates. You took part in the general debate; I allowed you to speak first in the general debate.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, I refer to page 69, for instance, where there are some explanatory notes with regard to Keselamatan Negara, on the basis of which I am standing up to make these various remarks.

Tuan Pengerusi: I do not think I can agree with you. Please sit down when the Chair speaks. That is required by Standing Orders. These explanations are given in this

document in order to enable the Honourable Members to know what it is all about. But it is for the Honourable Members to consider whether it should be raised at the general debate or when the House is in Committee. Now that we are in Committee, please be specific in what you are saying.

Tuan Lim Kit Siang: Yes, I am specific about the Majlis Keselamatan Negara.

Tuan Pengerusi: Keselamatan Negara is a very big, wide subject.

Tuan Lim Kit Siang: "Sentiasa mengkaji punca-punca ancaman keselamatan kepada negara yang boleh timbul dalam berbagai corak, samada langsung atau tidak langsung." It is a very wide thing and I am confining myself to this particular item only with regard to the functions and roles of the Majlis Keselamatan Negara and of course we are dealing with the peruntukan untuk Majlis Keselamatan Negara.

Tuan Pengerusi: Sekarang Majlis bersidang dalam Jawatankuasa. Jawatankuasa sudah suntuk masa. Pada masa perbahasan umum dahulu bidangnya luas, tidak ada sekatan langsung, apapun boleh bercakap, saya tidak tegah asalkan jangan perkara-perkara yang detail itu ditegah oleh Standing Orders. Sekarang dalam Jawatankuasa kita mesti tumpukan kepada detail, bukan cakap-cakap yang luas.

Tuan Lim Kit Siang: Can I ask for guidance, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: That is my guidance, my ruling.

Tuan Lim Kit Siang: I am seeking further guidance. Since we are in Committee looking into the details of the various sub-heads, whether we can go into details about the various expenditures that have been asked for?

Tuan Pengerusi: Yes, details according to the sub-heads. But the way you spoke, that is not detail. It is very wide and you were touching on the general policy. I will stop you if you go on further in the same vein.

Tuan Lim Kit Siang: I will confine my remarks to the Majlis Keselamatan Negara. Saya harap apabila Majlis Keselamatan Negara mengkaji punca-punca ancaman keselamatan kepada negara yang boleh timbul dalam berbagai corak, samada secara langsung atau tidak langsung akan mengkaji dengan sedalam-dalamnya cabaran yang dikemukakan oleh Parti Kominis Malaya oleh kerana boleh dikatakan bahawa ancaman keselamatan terdiri daripada punca-punca sahaja dan sebab itu sangat mustahak bahawa semua pihak yang berkenaan dapat satu gambaran yang benar mengenai perkara ini.

It is in this connection, Tuan Pengerusi, I said that when the mounting jungle and urban guerilla activities increased, it was first explained as due to a three-way split of the Malayan Communist Party. First, with the breakaway of the Malayan Communist Party (Revolutionary Faction) in February 1970 and a second split which resulted in the formation of the Malayan Communist Party (Marxist-Leninist) on August 1, 1974 in that each faction wanted to demonstrate its strength and ideological leadership. If what the Government says is right, then to some extent the Government is responsible for such increased spate of communist guerilla activities in the towns and the jungles, for it was the Honourable Minister of Home Affairs who had claimed at the recent International Seminar on Investment Opportunities in Malaysia last month that the penetration of government agents into the Malayan Communist Party had caused the three-way C.P.M. split.

Be that as it may, I would suggest to the Majlis Keselamatan Negara to give serious consideration to the question of the mounting urban guerilla-wave activities in the correct perspective, for everytime there has been a communist killing, the standard Government reaction until quite recently was that it was the last desperate act of the three factions infighting which, I submit, wears thinner and thinner with the incidents increasing. In fact, the security situation is becoming more and more serious and, as can be seen, so far this year, more than 50 members of the Security Forces have been killed, a figure which is comparable to 1956's 47 and is much worse than the 22 killed in 1957, the year of independence. In 1956, 307 communists were killed and in 1957, 240. This means that the

Government forces are suffering the casualties of 1956 and 1957 while the communists are not.

Another factor which the Majlis Keselamatan Negara must take into account and must debunk is the fallacy, which is also very detrimental to the Malaysian nation-building—it is also under another Subhead in the Prime Minister's Department, i.e. Urusetia Perpaduan Negara—and a prevalent belief of some top Government officials and Barisan Nasional politicians that assumes every Malaysian Chinese as a communist or communist sympathiser.

The Honourable Minister of Home Affairs said in June this year that there were a total of 2,054 communists, out of which 732 were Malaysian Chinese and 107 Malays of Malaysian origin. On 12th October, after the grenade attack on the parading troops at the Police Field Force Headquarters and the bombing of the National Monument, the Education Minister had said that there were about 2,000 communist guerillas in Kuala Lumpur. I do not know whether these figures are from the Majlis Keselamatan Negara or are compiled by the Ministry of Education officials, but I want to stress that the Majlis Keselamatan Negara will be remiss in its duty if it is not fully conscious of the fact that the overwhelming majority of the Malaysian Chinese, like their Malay counterparts, are not communists or communist sympathisers. They are Malaysians who are born and bred here, and all that they ask is that they become fully part of the nation, participating fully and equally in the political, economic, educational, social and cultural life of the country which recognises and respects the heterogeneous character and cultural diversity of the nation. However, if the Malaysian Chinese are suspected as communists or communist sympathisers and are treated as such, their loyalty constantly questioned, their legitimate aspirations to fully belong to Malaysia ignored and democratic aspirations to fully belong to Malaysia suppressed, then the Barisan Nasional would be the handmaidens of the M.C.P. in creating for the C.P.M. a sizeable popular support.

In a nutshell, if the Government wants to defeat the communist challenge, then respect the wishes and legitimate aspirations of all

racess and classes in Malaysia and give every Malaysian a full sense of belonging to Malaysia.

This brings me to the Rukun Tetangga programme which, I submit, is related to security, and I hope the philosophy and approach to it would be re-examined.

The Honourable Prime Minister and Minister in charge of the Rukun Tetangga scheme had many a time said that the objective of the Rukun Tetangga scheme is to get the people of various races to mix and further strengthen unity and inculcate a sense of brotherhood among them and to develop community self-reliance to help maintain peace and order in their respective areas.

The D.A.P. supports the concept of local neighbourhood co-operation to create greater degree of neighbourliness and closer social cohesion and discipline and help maintain peace and order, and we are prepared to give full support to make such concept a success. But the birth, formulation and implementation of the Rukun Tetangga scheme has created many doubts and raised many questions:

Firstly, why was this concept of popular participation in closer community living embedded in security framework and made under Emergency powers?

Secondly, is the creation of the Rukun Tetangga scheme by Emergency powers indicative that this is merely an Emergency measure to counter the stepped-up urban guerilla activities of the M.C.P.?

Thirdly, why was Parliament bypassed in the formulation and enactment of the Rukun Tetangga Regulations, when its aim is to seek popular participation?

The Rukun Tetangga was, in fact, initially announced as an anti-communist exercise. If we go by the history of South Vietnam, it is doubtful that the Rukun Tetangga can contribute much in the Government's anti-communist fight, because the communist challenge, as I said, is a multi-dimensional one. In fact, the spate of killings of Police and Special Branch personnel in broad daylight shows how inappropriate the Rukun Tetangga scheme is in these situations.

In bypassing Parliament, the Rukun Tetangga has reduced its acceptability among the people, especially as the Rukun Tetangga Regulations include many clauses with far-reaching powers, seriously affecting the lives and liberties of Malaysians which should be made only by Parliament during the life of a Parliament. Thus, "a person is guilty unless proved innocent", which runs contrary to all basic legal principles, is given effect in the Rukun Tetangga Regulations under Clause 33 (2) where it is provided that:

"Where a family resides together in the same premises and there is proved against any member thereof a charge for any offence of the commission of which, or of the attempt of preparation for the commission of which, the other members of the family so residing would, in the ordinary course of events, have had knowledge, each of the other members of the family who is above the age of 14 years, shall be deemed to be guilty of an offence" of having failed to report to the authorities unless he can prove his innocence.

Such a person charged for an offence against the Regulations could be jailed for three years apart from being fined, which means a Member of Parliament

Tuan Pengerusi: What are you talking about? Please sit down. Yang Berhormat sudah ada peluang bercakap dahulu dalam satu Rang Undang-undang yang dicadangkan yang telah ditolak oleh Dewan ini dan akan ada lagi satu Usul yang telah dijanjikan untuk dibahaskan dalam Dewan ini. Jadi jangan banyak bercakap menyentuh tentang Rukun Tetangga atau peraturan dan undang-undangnya. Bila sampai masanya boleh cakaplah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, Usul itu tidak berkaitan dengan ini. Ini mengenai Rukun Tetangga, dan Usul itu mengenai kes-kes keselamatan.

Tuan Pengerusi: Keselamatan adalah termasuk. Yang Berhormat memang bijak, saya tahu mana sahaja boleh masuk. Saya jaga betul. Saya kenal sangat Yang Berhormat ini.

Tuan Lim Kit Siang: tidak usah debate, tersekat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan Lim Kit Siang: Anyway, Sir, I am winding up on this question of Rukun Tetangga here to show the security implications of it and that with this type of Regulations, a Member of Parliament, for instance, can be disqualified from holding elected office for contravening these Regulations although they are not passed by Parliament. I, therefore, seriously propose . . .

Tuan Pengerusi: Sambung lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Dekat habis. I, therefore, propose that the Government should reformulate these Rukun Tetangga Regulations and present them to Parliament for approval.

I now come to Head B. 8, Code 1100, item (10), National Unity Secretariat atau Urusetia Perpaduan Negara, where we are told that:

"Tujuan keseluruhan Lembaga Perpaduan Negara ialah untuk mengujudkan perpaduan negara dan menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum dengan harapan akan terbentuk sebuah masyarakat yang bersatupadu dan demokratik adil, liberal dan progresif, selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara."

In my mind, Tuan Pengerusi, the work of the Lembaga Perpaduan Negara has failed completely to promote national unity and is a waste of public funds. Instead of a Lembaga Perpaduan Negara, putting out publications which nobody reads, it would be more constructive and positive to establish a Rukunegara Commission with powers to hear and adjudicate on complaints against the Government or public authorities which infringe or violate the Rukunegara principles. There would be no better way than this to nurture respect and honour for the Rukunegara principles, whereby among the younger generations of Malaysia, of the school-going children, they will see these in actions upholding the Rukunegara principles. This would be more effective than publications.

On the question of national unity for which the Lembaga is responsible, I have always wondered whether the Government is really interested in national unity, for I see so many instances of Government action directly promoting national disunity. The latest example is the discrimination practised by the Barisan Nasional Government against Malaysians staying in Opposition held constituencies. Barisan Nasional Members of Parliament are given \$10,000 a year from public coffers for minor developmental projects in their constituencies, while Opposition M.P.s are denied this allocation. How can the Government justify such blatant discrimination and misuse of public funds, from the point of view of national unity? If the \$10,000 a year allocation for minor developmental projects is for the people's interest, then the people from all constituencies are equally entitled to such allocations. If the \$10,000 allocation is merely to boost the future electoral prospects of the Barisan Nasional M.P.s, then this is a misuse of public funds for political party purposes and must be condemned and deplored.

The Barisan Nasional Government is sadly mistaken if it thinks that it could buy over the voters with the allocation of \$10,000 a year to each Barisan M.P. The failure of the Alliance to recapture Kelantan from the P.M.I.P., despite the denial of developmental funds to the State in the past until the formation of the Coalition Government, should be ample proof.

On the contrary, I submit that it can only reinforce public disenchantment and disunity with such misuse of Government funds and blatant discrimination against Malaysians on grounds of different political beliefs, which is guaranteed by the Malaysian Constitution. I submit also that it is such short-sighted and petty Barisan Nasional measures which keep eating away the entire fabric of Malaysian society.

3.43 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian di dalam membahaskan Anggaran Belanjawan bagi Jabatan Perdana Menteri dan di samping itu menyentuh beberapa Kepala.

Pertama, saya suka menyentuh Kepala 10. Sebelum saya pergi kepada perkara yang saya hendak sentuh itu, saya hendak membawa kepada pandangan Dewan yang mulia ini berkenaan dengan kedudukan perbuatan-perbuatan jenayah yang telah dibuat oleh pemuda dan pemudi kita yang di dalam lingkungan belasan tahun dan menyentuh pula kekurangan Kerajaan mengambil berat berkenaan dengan perkara-perkara yang dibicarakan di dalam Juvenile Court.

Tuan Pengerusi, di antara penduduk-penduduk di Malaysia yang jumlahnya lebih kurang 10.6 juta orang ada didapati 45% di dalam lingkungan di antara 1 tahun dan 14 tahun

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap di bawah Kepala mana?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Di bawah Kepala B. 10 (4) iaitu Mahkamah-mahkamah Rendah (Magistrates Courts) muka surat 65 di dalam buku Belanjawan. Tujuan-tujuannya tidak payahlah saya sebutkan, sudah ada tertulis di situ, dan akan membuang masa Dewan yang mulia ini sahaja.

Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah dengan adanya penduduk-penduduk di Malaysia ini yang berjumlah lebih kurang 10.6 juta orang dan lebih daripada 45% di antaranya ialah orang-orang antara umur 1 hingga 14 tahun dan 25% di antaranya ialah orang yang berumur 15 hingga 29 tahun, 15% di antara 30 hingga 44 tahun dan hanya 15% antara orang-orang macam umur saya ini iaitu 45 hingga 70 tahun yang dekat-dekat hendak mati. Tuan Pengerusi, jikalau kita baca berita-berita setiap hari kita dapati bahawa kerja-kerja jenayah ini baik tembak-menembak, curi-mencuri, colek-mencolek dibuat dan dilakukan oleh orang-orang yang berumur di antara 14 hingga 15 tahun atau 29 hingga 30 tahun. Angka-angka yang saya sebutkan itu menunjuk dan membuktikan kepada kita bahawa negara kita mengharap-kan kepada jenerasi muda dan jenarasi muda ini kalaulah 45% daripadanya dan kebanyakannya melakukan jenayah-jenayah ini, maka apa akan jadi kepada nasib negara kita pada masa-masa akan datang.

Tuan Pengerusi, kebanyakan daripada kes-kes budak-budak yang telah ditangkap membuat kejahatan-kejahatan jenayah ini dibawa kepada Juvenile Court di mana saya lihat

pada waktu sekarang tidak ada mempunyai hakim-hakim atau majistret yang mempunyai pengalaman ataupun didikan mengetahui saikoloji kanak-kanak. Kebanyakan sekarang, majistret-majistret kita yang sudah overworked itu, telah diakui oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sendiri, iaitu kerana kekurangan-kekurangan majistret-majistret maka terpaksa apa juga ada bilangan sekarang membuat tugas masing-masing. Jadi, kalaulah perbicaraan kanak-kanak ini dibuat oleh majistret-majistret yang overworked ini, tanpa majistret-majistret mengetahui apakah sebab maka kanak-kanak itu menjalankan perbuatan-perbuatan jenayah, majistret-majistret ini hanya hendak memutuskan bicara dan menjatuhkan hukuman sahaja dan budak-budak yang belasan tahun itu ada yang dihantar ke jel, ada yang dihantar ke Rumah Budak-budak Jahat dan sebagainya. Maka ini tidak akan dapat menyelesaikan kerumitan kita sekarang atau problem, juvenile delinquency yang kita hadapi sekarang. Saya berpendapat bahawa masanya sudah sampai bagi kita untuk mengkaji sebab-sebab maka budak-budak kita melakukan kejahatan-kejahatan jenayah. Kita mengkaji barangkali pemuda-pemuda ini bukan berjiwa not born sebagai seorang penjahat, tetapi kerana keadaan latarbelakang mereka. Boleh jadi masa mereka kecil-kecil ibu dan bapanya bercerai-berai ataupun boleh jadi ibu dan bapanya kaki mabok, kaki botol, kaki arak, kaki judi dan sebagainya. Jadi kalau mejistret itu mengetahui perkara-perkara ini tidaklah mejistret itu, salah sahaja hantar ke jel, ataupun hantar ke Rumah Budak-budak Jahat, kerana dengan budak-budak yang boleh dibentuk-bentuk characternya itu kalau dihantar ke pusat-pusat itu, kanak-kanak tersebut bukan akan mendatangkan kebaikan kepada mereka, kerana apabila bercampur lagi dengan hardened criminal boleh menjadi lebih jahat dan bila dia keluar sudah dua tahun, tiga tahun dia menjadi gangster yang terkenal dan membuat perkara-perkara jenayah yang lebih dasyat.

Tuan Pengerusi, saya syorkan di sini supaya satu badan ataupun biro ditubuhkan iaitu Biro Siasatan Perkara-perkara Jenayah Kanak-kanak dan biro ini akan menyiasat latar belakang tiap-tiap kanak-kanak yang menjalankan perkara-perkara jenayah sebelum dibawa kepada mahkamah, dan mejistret hendaklah bekerjasama dengan

badan-badan kebajikan sebelum satu-satu keputusan diambil menghukumkan kanak-kanak yang saya katakan tadi.

Di samping itu saya suka menyentuh berkenaan dengan P. 10 berkenaan Bangunan-bangunan Mahkamah di muka 70. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan di dalam menyampaikan perbelanjaannya telah menyebutkan bahawa Kerajaan akan mengambil tindakan untuk membina mahkamah dan sebagainya. Tuan Pengerusi, tadi saya ada menyentuh berkenaan dengan keadaan yang selalu saya saksikan di mana mejistret ini overworked. Ada di antara mereka bila kita saksikan tanpa mengetahui sebab-sebabnya duduk di kerusi yang tinggi kadang-kadang matanya pun tidak terbuka, bukan kerana wig yang dipakainya itu berat sangat ataupun baju jubah hitamnya itu berat sangat kerana saya ada mempunyai

Tuan Pengerusi: Pengerusi Dewan ini tidak ada kena-mengena.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Bukan. Pengerusi Dewan ini selalu matanya terbuka memandang tetapi mejistret-mejistret, Tuan Pengerusi, saya ada dua tiga orang kawan mejistret, saya bertanya mengapa mata awak ini begini bila duduk di kerusi itu. Dia kata, suasana di dalam court itu ataupun mahkamah itu tidak nyaman terutama bangunan yang lama, panas

Tuan Pengerusi: Itu tidak payah cagak berkenaan mejistret, katakan sahaja Yang Berhormat sendiri ada melawat—sudah.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Jadi, kerana itulah kadang-kadang kita memikirkan itu satu professional characteristic bagi mejistret suka menguyukan matanya, tetapi sebenarnya ialah kerana tidak nyaman dia duduk di situ. Saya membawa perhatian ini kepada Kementerian yang berkenaan supaya kalau bangunan-bangunan ini dibina, maka hendaklah disesuaikan supaya orang-orang yang bekerja di situ dapat bekerja dengan baik, dengan nyaman dan juga siapa juga yang menghadiri perbicaraan, baik dia sebagai pemerhati ataupun sebagai saksi, diletakkan di tempat-tempat yang tertentu. Saya bawa perhatian ini, Tuan Pengerusi, kepada bangunan mahkamah di Petaling Jaya misalnya, di mana saksi-saksi apabila mereka menunggu sebelum dipanggil diletakkan di

belakang dan ditutup bersama-sama dengan orang yang didakwa iaitu bersama-sama dengan orang yang bersalah. Pendek kata, saksi-saksi diletakkan lebih kurang dalam lock-up juga kerana lock-up itupun mempunyai satu pintu yang sama yang khas untuk saksi-saksi. Jadi bila saksi-saksi diletakkan itu keadaannya tidak begitu senang, kerana mereka disamakan dengan orang-orang salah atau orang-orang yang didakwa; jadi, ini hendaklah diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan supaya bangunan yang baharu dibuat itu hendaklah bangunan yang sesuai dengan keadaan dan masa sekarang. Tuan Pengerusi sekarang saya suka membawa kepada Kepala B. 11—Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah dan B. 12—Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak. Tujuannya ada tercatat di muka 95, Buku Anggaran Belanjawan 1976:

PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SABAH

Tujuannya ialah:

- (a) Memerhatikan dasar-dasar yang berkaitan dengan kepentingan-kepentingan Jabatan Persekutuan Negeri Sabah;
- (b) Menyelaraskan perhubungan di antara Jabatan-jabatan Persekutuan dan Negeri, agar tercapai pentadbiran yang licin;
- (c) Menyelaraskan perhubungan di antara Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah.

Peruntukan bagi kedua-dua Kepala B. 11 dan B. 12 itu berjumlah jutaan ringgit juga.

Tuan Pengerusi, saya suka membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan lebih kurang beliau berkata bahawa Pulau Pinang adalah sebuah negeri di dalam Malaysia, dan negeri tersebut tidak boleh dikecualikan. Jika negeri-negeri yang lain kena cukai, maka Pulau Pinang pun hendaklah dicukai. Lebih kuranglah begitulah kata beliau.

Tuan Pengerusi, di sini saya suka membuat sedikit teguran iaitu mengapa perlunya pula Sabah dan Sarawak mempunyai Setiausaha Persekutuan Sabah ataupun Sarawak. Bukankah kedua-dua negeri ini di dalam Malaysia? Jika Pejabat Setiausaha Persekutuan tersebut perlu pada awal-awal

percantuman negeri-negeri tersebut masuk ke Malaysia maka masanya telah sampai bagi Jabatan Perdana Menteri mengkaji keperluan ini samada perlu lagi atau tidak Jabatan itu diadakan. Kita tidak mahu melihat negeri-negeri sama di dalam Malaysia tetapi dibeza-bezakan. Kita semua orang Malaysia, tetapi ada kalanya ada negeri-negeri di Malaysia juga kalau kita hendak pergi terpaksa mempunyai paspot dan sebagainya. Kita tidak mahu begini.

Saya berpendapat bahawa tidak boleh ada satu negeri yang sama-sama dalam Malaysia diberi keistimewaan di dalam apa-apa pun. Masanya sudah sampai bagi mengkaji perkara ini. Policy should be as fair as possible and as beneficial as possible, to as many as possible. Kita tidak hendak hanya satu dua negeri diberi keistimewaan, yang lain itu didiamkan sebagaimana keadaan kita sekarang.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 8 pula muka 55 di dalam Buku Anggaran Belanjawan Persekutuan, 1976 dan tujuan-tujuannya di dalam Anggaran Belanjawan, 1976 di muka 62. Tidak payah lagi saya mengulangi kerana Ahli Yang Berhormat dari Melaka telah mengulangi tujuan-tujuannya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pernah menyatakan bahawa national unity tidak mencapai kejayaan dan Kerajaan adalah bertanggungjawab. Setakat manakah kegagalan kita mencapai national unity yang dikatakan tidak mencapai hasil yang memuaskan itu? Ini juga disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Beliau mengaku bahawa kita tidak begitu berjaya dalam mengujudkan national unity. Saya berpendapat bahawa Kerajaan telah membuat beberapa rancangan untuk menyatu-padukan rakyat yang berbilang kaum di Malaysia.

Satu badan khas telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Jabatan Perpaduan Negara. Walau bagaimanapun usaha yang dibuat oleh Kerajaan, tetapi tidak disambut oleh rakyat maka wang yang berjuta ringgit itu akan membazir sahaja.

Saya menuduh di sini bahawa perpaduan tidak tercipta kerana ada golongan yang tidak suka melihat kaum-kaum di negara

kita bersatu-padu. Rancangan Kerajaan melancarkan Rukunegara misalnya dipersendakan. Ada pula yang mencabar sehingga ke mahkamah. Ada pula satu golongan lain yang berpura-pura menyokong Kerajaan, yang memegang jawatan-jawatan penting, bukan sahaja di Kementerian tetapi di Jabatan-jabatan Kerajaan yang menjalankan tipu helah mereka membelahbagikan masyarakat kita untuk menyenangkan dia muncul ke atas sebagai jaguh-jaguh negara ataupun negara lawan. Berkali-kali Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri menyeru rakyat supaya berwaspada, memerhatikan gerak-geri kumpulan-kumpulan yang sentiasa mencari jalan cuba melagagakan kita sesama kita. Bukan sahaja kita sama kita, tetapi melagakan pemimpin-pemimpin sesama pemimpin, dengan tujuan supaya jentera Kabinet kita lemah dan kalau Kabinet sudah lemah, ahli-ahli ini nanti dapat berkuasa di negara kita. Jabatan Perpaduan Negara hendaklah lebih mengawasi musuh-musuh dalam selimut ini. Musuh di hutan itu kita tahu, siapa dia, senang kita lawan, tetapi musuh dalam selimut ini lagi lebih dahsyat. Hendaklah mengawasi musuh-musuh dalam selimut. Tidak ada gunanya diadakan jamuan perpaduan jika pucuk pemimpin sendiri sesama dia tidak bersefahaman, jika ada di antara pemimpin-pemimpin kita syak-mengesyaki. Temasya perpaduan hendaklah diadakan di mana semua Wakil-wakil Rakyat-jelata at grass roots level dijemput. Ini tidak ada akan membawa kesan ataupun kebaikan jika jamuan-jamuan muhibbah ataupun jamuan-jamuan perpaduan diatur di mana 100-200 orang hadir, iaitu daripada taukeh-taukeh, daripada orang-orang yang telah diberi anugerah, daripada Pegawai Daerah, Pegawai Kerajaan, Menteri-menteri dan Timbalan Menteri, tetapi yang mustahaknya, rakyat jelata sebagai nelayan, petani, penoreh getah, pekerja ladang, pekerja lombong, pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi, ditinggalkan. Saya cadangkan hendaklah diadakan di tiap-tiap daerah satu sekretariat iaitu Sekretariat Perpaduan Negara yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah ataupun Ahli Dewan Rakyat.

Saya percaya dengan adanya Sekretariat Perpaduan Negara di tiap-tiap daerah maka dapat kita menggiatkan lagi usaha kita untuk mencapai perpaduan.

Sekarang, Tuan Pengerusi, saya minta izin untuk membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada Kepala B. 13 dan sampai B. 15. Tujuan-tujuannya ada di dalam buku

Tuan Pengerusi: Kepala yang mana Yang Berhormat, B. 13?

Raja Nasron bin Raja Ishak: B. 13 sampai B. 15, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Majlis ini belum membincangkan Kepada B. 13 lagi.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Kalau tidak salah saya, Kepala B. 13 ini di bawah Jabatan Perdana Menteri juga.

Tuan Pengerusi: Kepala-kepala B. 1 sampai B. 12 sahaja.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Kalau begitu, saya minta maaf, Tuan Pengerusi, kerana sudah terlebih pula

Tuan Pengerusi: Jangan terlajak dahulu.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Sebelum duduk, Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang saya hendak sentuh iaitu Kepala B. 1—Parlimen. Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri kerana langkah-langkah yang telah diambil oleh mereka yang bertanggungjawab untuk mengadakan kawalan. Sesudah Tugu Negara kita kena bom oleh penjahat-penjahat maka barulah ada kawalan dibuat iaitu saya lihat ada main gate, satu papantanda tercacak sahaja, kalau ada orang lalu diturunkan dan pemeriksaan dibuat dan sebagainya. Tetapi apa yang saya lihat belum lagi dibuat, sungguhpun Parlimen ini dianggap sebagai satu kawasan keselamatan (security area) di sekeliling Parlimen ini tidak ada atau belum ada lagi diadakan pagar. Begitu juga saya lihat pekerja-pekerja, kalaulah pekerja-pekerja itu daripada golongan-golongan antinasiona, orang jahat, musuh negara, kader-kader kominis, maka senang sahaja, daripada pintu belakang mereka masuk dan mereka berbuat seperti orang bekerja dan mereka akan pergi ke Perpustakaan dengan melemparkan satu bom tangan atau diletakkan satu time bom. Dan diwaktu kita bersidang ini, meletup, yang mana akan menyebabkan 154 orang Ahli Parlimen akan menjadi aruah, dan apa akan jadi kepada negara kita.

Tuan Pengerusi: Itupun kalau tidak cukup koram!

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian kepada pihak yang bertanggungjawab supaya diadakan secepat mungkin pagar di sekeliling Parlimen ini dan gate di sebelah belakang itu dikawal lagi dengan lebih ketat.

4.11 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Pengerusi, saya dengan sukacitanya menyokong peruntukan kepada Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 1976 sebanyak \$291,962,230.

Tuan Pengerusi terlebih dahulu saya suka menyentuh Kepala B. 1—Parlimen. Kita semua sadar bahawa pentadbiran Parlimen yang dijalankan amatlah berkesan. Oleh itu, saya mesti mengucapkan tahniah kepada Setiausaha Parlimen atas pengendaliannya yang cukup memuaskan. Walau bagaimanapun, saya suka memberikan pandangan saya untuk perhatian pihak berkuasa yang berkenaan. Sekarang kita menerima Hansard (Penyata Rasmi Parlimen) yang mengandungi butir-butir Perjalanan Parlimen untuk pengetahuan dan simpanan ahli-ahlinya. Tuan Pengerusi, catitan perjalanan mesyuarat untuk tahun yang lepas yang diadakan di antara 4hb November, 1974 hingga 20hb Disember, 1974 baru sahaja disiapkan.

Tuan Pengerusi, penyata-penyata ini adalah merupakan dokumen-dokumen yang amat mustahak kepada setiap Ahli biasa di Dewan, kerana ia dapat digunakan untuk dijadikan sebuah kutubkhanah di tiap-tiap kawasan pilihanraya ataupun untuk pengundi-pengundi mengetahui segala kegiatan yang dilakukan oleh wakil-wakil mereka di dalam Dewan. Oleh itu, sukalah saya meminta kepada pihak berkuasa yang berkenaan supaya mempercepatkan kerja-kerja mengecap (printing) dan mengedarkan dokumen-dokumen yang berguna itu kepada semua Ahli sebelum memulakan mesyuarat Parlimen yang akan datang.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya suka menyentuh Kepala B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya. Dalam bulan Oktober yang lepas pihak Suruhanjaya Pilihanraya telah

menjalankan penyemakan pengundi-pengundi. Dari masa ke semasa bila pengundi-pengundi didaftarkan, pihak Suruhanjaya akan mengambil pegawai-pegawai sambilan di mana beribu-ribu ringgit dibelanjakan untuk menggajikan pegawai-pegawai yang tersebut. Bagaimanakah kesan pegawai-pegawai sambilan itu menjalankan tugasnya adalah perkara yang hendak saya bangkitkan di sini. Dalam kawasan-kawasan luar bandar, penduduk-penduduk boleh dikatakan tiada tahu langsung siapakah Pegawai-pegawai Pendaftaran yang bertugas. Kebanyakan pegawai-pegawai itu tiada menjalankan kerja mereka dengan berkesan.

Tujuan Kerajaan hendak mendaftarkan setiap pengundi yang layak telah diabaikan. Selepas pilihanraya 1974 kita telah menerima banyak pengaduan daripada orang ramai. Untuk mengelakkan semua kesulitan yang tidak seharusnya berlaku kepada orang ramai dan untuk memastikan bahawa dengan tidak boleh tidak nama setiap pengundi yang layak ada tercatat di dalam buku-buku daftar, kita hendaklah membenarkan pihak-pihak bukan politik menolong Suruhanjaya Pilihanraya dalam kerja-kerja pendaftaran.

Kedua, Tuan Pengerusi, yang juga dianggap serious, kita hendaklah menimbangkan kemungkinan mengambil Guru-guru Besar dari semua sekolah menjalankan kerja-kerja pendaftaran seumpama itu. Saya juga suka mencadangkan supaya penyemakan semula ke atas semua pendaftaran pengundi hendaklah dilakukan dalam cuti sekolah.

Tuan Pengerusi, satu lagi pengaduan umum yang masih terpendam di dalam hati sanubari rakyat biasa ialah kebanyakan mereka yang mendaftarkan nama melalui Pegawai-pegawai Pendaftaran sambilan tiada pernah langsung melihat nama-nama mereka di dalam buku-buku daftar.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang mesti dibangkitkan ialah apabila Pegawai-pegawai Pendaftaran melawat kampung-kampung untuk tujuan pendaftaran biasanya kalau seseorang itu tidak ada di rumah mereka dengan serta-merta akan memotong nama orang yang berkenaan. Perkara yang begini telah berlaku di beberapa tempat di seluruh negara. Dengan demikian akibatnya akan menghilangkan hak mengundi dengan sia-sia.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, Suruhanjaya Pilihanraya mestilah menggubal cara-cara yang betul untuk memastikan pendaftaran akan berjalan dengan baik dan memuaskan.

Seperkara lagi yang sepatutnya tidak akan dilakukan sama sekali ialah pendaftaran yang dijalankan baru-baru ini telah dilakukan semasa Umat Islam menjalankan ibadat puasa. Adakah perbuatan itu dianggap lojik? Biasanya kebanyakan orang-orang Islam yang berpuasa tidak terdaya hendak keluar rumah, lebih-lebih lagi masa yang ditetapkan untuk pendaftaran itu ialah di antara pukul 4.30 petang hingga 6.00 petang. Mungkin ada arahan menyuruh Pegawai-pegawai Pendaftaran itu pergi dari rumah ke rumah. Tetapi apa yang telah difahamkan kepada saya, banyak pegawai-pegawai yang ditugaskan itu hanya menunggu di Balai-balai Raya, di Balai-balai Penghulu atau di Pejabat-pejabat Majlis Tempatan. Jadi bagaimanakah pengundi-pengundi yang layak hendak meninggalkan rumah, kerana kebanyakan mereka telah mula bersiap-siap hendak berbuka puasa. Akibat dari peraturan yang kurang teliti ini telah menyebabkan bilangan bakal-bakal pengundi merosot.

Tuan Pengerusi, seterusnya, saya ingin menyentuh Kepala B. 9, Pecahan-kepala 400, iaitu perkara Pencen. Tuan Pengerusi, saya memberikan pujian kepada Kerajaan yang telah menguntukkan berjuta-juta ringgit wang persaraan kepada kakitangan Kerajaan yang telah berjasa kepada Kerajaan dan kepada rakyat umumnya.

Kalau Jabatan Perkhidmatan Awam membuat satu penelitian yang betul terhadap mereka yang bersara yang sungguh-sungguh memberikan khidmat cemerlangnya, sebilangan besar dari mereka yang berkhidmat di dalam Pasukan Tentera, Pasukan Polis dan Perkhidmatan Awam sentiasa menghadapi berbagai kesulitan semasa hendak mendapatkan pencen mereka terutama sekali dalam keadaan mereka yang amat memerlukan pembayaran itu. Kakitangan Kerajaan yang bersara dalam peringkat umur yang ditetapkan, terpaksa menyerahkan rumah-rumah kediaman mereka. Sebaik-baik sahaja mereka bersara, Pegawai Perumahan Kerajaan akan mengeluarkan notis meminta mereka meninggalkan rumah-rumah yang mereka diami. Dan apabila sahaja rumah-rumah itu dikosongkan, pesara itu akan terpaksa mencari sebuah rumah. Dalam

keadaan inflasi yang kita hadapi sekarang bukanlah senang hendak mendapatkan sebuah rumah dengan sewa yang murah. Pada hal sesudah mereka bersara mereka mesti berkehendakkan rumah untuk menempatkan keluarganya. Tuan Pengerusi, apakah cara bagi seorang pesara itu hendak mendapatkan wang. Sepatutnya mereka menumpukan harapan untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Malangnya, jabatan yang berkenaan mengambil masa hingga terkadang-kadang sampai 12 bulan untuk memproses dan menaksirkan sesuatu pembayaran, kemudian barulah dapat diberikan kepada si pesara.

Tuan Pengerusi, pihak yang paling hebat sekali merasakan tekanan ini ialah anggota-anggota Pasukan Keselamatan dan Polis dan juga pekerja-pekerja biasa. Mereka itu, dari mulanya semata-mata menumpukan perhatian kepada kerja-kerja mereka. Mereka tiada mempunyai pengaruh untuk mempercepatkan pembayaran. Apa yang dapat mereka lakukan ialah mengharapkan jawapan dari Jabatan Perkhidmatan Awam terhadap surat-surat peringatan yang mereka kirimkan kepada jabatan yang berkenaan. Tetapi malangnya terkadang-kadang surat-surat itu tiada pernah diberikan tanda penerimaan.

Tuan Pengerusi, selepas mereka mengorbankan masa hidup yang begitu lama untuk berbakti kepada Raja dan Negara, pesara-pesara itu terpaksa pula menghadapi kesulitan kewangan yang paling teruk. Akibatnya dengan sendirinya mereka merasakan bahawa hidup mereka telah tidak dapat diterima oleh masyarakat. Ini akan menimbulkan satu penyesalan batin dan tekanan hidup yang mungkin menjejaskan kesihatannya. Akhirnya akan menamatkan riwayat hidupnya tanpa dapat melihat yang kononnya ia ada mempunyai wang persaraan (pension).

Setelah trajidi yang sedih itu berlaku seseorang itu akan dapat memahami masalah baru yang dihadapi oleh janda pesara yang tersebut. Kalau seseorang pesara itu mempunyai keluarga yang ramai perkara itu akan tetap menyiksa daya pemikirannya hinggalah ke akhir hayatnya.

Pernah terjadi pesara yang meninggal dunia belum sempat dapat menerima wang persaraannya yang pertama. Oleh itu, jentera

Jabatan Perkhidmatan Awam yang ada sekarang hendaklah diperkemaskan dan disusun semula dengan satu tekad mendahului dan mempercepatkan pembayaran pencen, seperti menggunakan alat computer untuk menyelesaikan tuntutan pencen. Saya juga suka mencadangkan bahawa kakitangan Jabatan Perkhidmatan Awam hendaklah ditambah supaya dapat membendung masalah harian yang kian bertambah. Dengan cara begitu dengan tidak syak lagi akan dapat menghasilkan perkhidmatan yang baik dan cekap.

Tuan Pengerusi, akhir sekali suka saya berucap pada Kepala B. 1 sekali lagi. Tujuan hujjah saya yang lain adalah berhubung dengan peruntukan kantin Ahli-ahli Dewan Rakyat. Tuan Pengerusi, kita mampu memasang hawa dingin (air-conditioned) kepada semua bahagian bangunan ini tetapi tidak pula dipasangkan di dalam kantin. Tuan Pengerusi, kantin di belakang Dewan ini ialah kantin orang miskin, sesiapa Ahli yang miskin mestilah masuk kantin itu. Keadaan hawa yang panas akan dapat dirasakan sewaktu kita menggunakan kantin itu, lebih-lebih lagi dalam keadaan yang bersesak-sesak, yang menyebabkan hawa di dalamnya seakan-akan mendidih dan menimbulkan suasana yang kurang sihat kepada pengguna-penggunanya.

Tuan Pengerusi, kalau kita mampu membina bangunan ini yang dikenali sebagai bangunan yang paling baik bukan di dalam Malaysia sahaja tetapi di seluruh South East Asia saya boleh katakan dengan rekabentuknya yang sungguh indah dan dialatkan dengan hawa dingin, jadi berapa benarlah perbelanjaan yang hendak kita bayar sekiranya kita menghawa dinginkan kantin yang tersebut.

Tuan Pengerusi, kalau kita mampu membeli seekor kuda dengan harga \$1,000

Tuan Pengerusi: Kuda ini di bawah Kepala berapa pula?

Tuan S. Samy Vellu: Kenapa, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Sabar dahulu.

Tuan S. Samy Vellu: Atas Kepala B. 1—Parlimen, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tetapi fasal apa disebut kuda pula di sini?

Tuan S. Samy Vellu: Saya kata harga kuda \$1,000 tetapi kita tidak boleh beli satu tali yang berharga \$1. Kalau begini, Tuan Pengerusi, kenapa pula kita enggan membeli tali pemacunya yang hanya berharga \$1 untuk melengkapkan kuda itu. Di sini suka saya mencadangkan kepada pihak pentadbiran supaya langkah serta-merta dapat dijalankan untuk memasang hawa dingin di kantin itu. Dengan demikian akan memberi peluang kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat, khasnya yang miskin supaya dapat menikmati suasana yang lebih selesa.

4.28 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, disamping menyokong Perbekalan di bawah Jabatan Perdana Menteri, suka saya menyentuh beberapa Kepala di bawah Jabatan tersebut.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 8 Pecahan-kepala 4100 (14) Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan. Tujuan Perancang Keluarga yang menjadi sebahagian daripada rancangan kemajuan sosial ekonomi dilaksanakan di dalam bidang Rancangan Pembangunan Malaysia sebagai satu usaha untuk memperbaiki kesihatan dan taraf sosial dan keluarga. Dalam konsep ini kegiatan-kegiatan perancang keluarga dijangka dapat diberi sumbangan yang berkesan kepada usaha Kerajaan untuk membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Malaysia.

Tuan Pengerusi, sebagai sebuah negara yang sedang membangun dengan jumlah penduduk sekian besar yang terdiri daripada kanak-kakak yang berumur di antara 15 tahun ke bawah iaitu kira-kira 40% Malaysia adalah memerlukan satu perancang keluarga yang teliti supaya dapat menjamin serta mengekalkan kesejahteraan hidup rakyat disamping mengukuhkan kestabilan ekonomi negara di masa hadapan.

Dari kenyataan dan perangkaan-perangkaan adalah didapati bahawa kadar pertambahan penduduk Malaysia sebanyak 2.6% adalah masih tinggi lagi yang kelak kegagalan menurut kadar ini harus menjejaskan rancangan pembangunan negara seluruhnya. Dari beberapa perangkaan yang pernah dibuat adalah didapati bahawa sekiranya Perancang Keluarga Negara ini tidak berjaya mengurangkan kadar pertambahan penduduk-penduduk ke paras

2.2% menjelang tahun 1985 serta mengurangkan kadar kesuburan (fertility rate) di kalangan wanita-wanita kita sebanyak 30% menjelang tahun 1990 maka Malaysia akan menghadapi berbagai-bagai problem yang tidak mudah diatasi. Umpamanya di bidang pelajaran pada tahun 1970 adalah didapati kira-kira 1,429,000 orang kanak-kanak yang berumur di antara 6 hingga 12 tahun yang patut bersekolah akan meningkat kepada paras 2,438,000 orang menjelang tahun 1990 iaitu bertambah kira-kira 71% berbanding dengan tahun 1970. Akan tetapi sebaliknya pula sekiranya kadar kesuburan wanita kita dapat dikurangkan sebanyak 30% maka hanya kira-kira 1,744,000 orang kanak-kanak yang berumur 6 hingga 12 tahun yang memerlukan kemudahan persekolahan asas pada tahun 1990 iaitu bertambah kira-kira 24% daripada tahun 1970. Kejayaan ini bererti banyak wang dapat diselamatkan dan wang itu dapat pula disalurkan ke lain-lain sektor pembangunan yang lebih berekonomik.

Tuan Pengerusi, di satu aspek lagi yang patut kita renungkan ialah kesan kematian ibu-ibu semasa bersalin. Sikap kematian mereka itu dapat diambil sebagai ukuran terhadap sejauh mana penelitian dibuat kepada ibu-ibu yang sedang hamil serta keadaan-keadaan kesihatan umum ibu-ibu dan masyarakat seluruhnya.

Dalam negara yang membangun, kematian ibu-ibu semasa bersalin amatlah rendah sekali. Misalnya di England hanya terdapat 25 kematian berlaku dalam tiap-tiap 1,000 kelahiran dan di Australia pula 22 kematian dalam tiap-tiap 1,000 kelahiran. Akan tetapi kedudukan masalah ini di negara-negara yang sedang membangun seperti di Malaysia amat menakutkan. Di Malaysia kita kematian ibu-ibu semasa bersalin ialah 157 di dalam tiap-tiap 1,000 kelahiran dalam tahun 1969. Negeri yang paling teruk mengalami keadaan ini ialah Negeri Kelantan, Trengganu dan Pahang. Di Malaysia dalam tahun 1969 daripada 502 orang kelahiran yang terdapat hidup dan 383 kematian berlaku iaitu dengan kadar kematian ibu-ibu semasa bersalin (maternal mortality rate) manakala kadar kematian kanak-kanak yang berumur 1 hingga 4 tahun juga masih didapatkan tinggi di negeri-negeri di Pantai Timur khususnya di daerah-daerah pedalaman seperti di Ulu Kelantan dan di Ulu Trengganu.

Tuan Pengerusi, bila mana kita teliti dengan agak mendalam maka dapatlah satu kesimpulan bahawa kadar kematian ibu-ibu semasa bersalin, kematian bayi adalah rata-rata berlaku dan terdapat di kawasan-kawasan luar bandar. Keadaan ini mempunyai hubungan rapat dengan taraf hidup mereka bahawa kemiskinan adalah penyakit utama di kalangan penduduk-penduduk luar bandar. Dalam konsep ini langkah Kerajaan menubuhkan Lembaga Perancang Keluarga Negara di dalam tahun 1966 adalah satu langkah yang bijak dan mempunyai pandangan jauh ke hadapan, kerana dengan ini bererti Kerajaan dapat proses akan kedudukan penduduk Malaysia yang kian bertambah, namun dengan kiraan ini terdapat bahawa penerimaan terhadap rancangan ini sudah tidak tergalak dari peringkat awal lembaga ini ditubuhkan. Keadaan ini jelas bila mana hanya 57% kira-kira daripada 305,000 orang penerima dapat didaftarkan oleh Lembaga Perancang Keluarga dari matlamat 535,000 orang iaitu bagi tempoh Rancangan Malaysia Yang Kedua. Kemerosotan ini jelas kelihatan di dalam program Rancangan Keluarga mula berkembang di kawasan luar bandar. Saya percaya bahawa satu-satu punca atau sebab mengapa kurangnya sambutan masyarakat luar bandar terhadap perancang keluarga ini iaitu berpunca daripada beberapa sebab yang tertentu. Umpamanya kurang kemudahan bagi penduduk-penduduk luar bandar mendapat kemudahan-kemudahan alat-alat merancang keluarga, penempatan lebih ramai lagi kakitangan perancang keluarga di kawasan luar bandar harus dapat mengatasi kesulitan ini.

Kedua, soal nama Perancang Keluarga itu sendiri tidak dapat menarik perhatian masyarakat di luar bandar. Untuk menyebut perkataan Perancang Keluarga kerana ramai orang merasai segan apatah lagi untuk mengamalnya. Dari itu pada hemat saya supaya program Perancang Keluarga ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan khususnya di kawasan luar bandar mengapa tidak ditukar sahaja nama Perancang Keluarga ini kepada satu-satu nama yang lebih sesuai oleh sebab ramai orang-orang yang berasa malu untuk menerimanya. Dan di sini sekiranya saya diizinkan sukalah juga saya mencadangkan Lembaga Perancang Keluarga Negara ini ditukar kepada nama Lembaga Kesihatan Warganegara. Dengan

nama Lembaga Kesihatan Keluarga serta dengan kakitangan yang lebih diatasi, saya percaya bahawa program projek lembaga ini khususnya di luar bandar akan lebih berjaya lagi di masa akan datang. Maka dengan ini, saya menyokong peruntukan Perbekalan-perbekalan Jabatan Perdana Menteri.

4.37 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap atas Anggaran Perbelanjaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang B. 10 muka surat 45—Jabatan Kehakiman. Kita telah diberitahu di buku penjelasan kecil itu tiap-tiap tahun ada beberapa kes yang tidak diselesaikan dan makin lama makin bertambah kes-kes itu dari Mahkamah Rendah ke Mahkamah Sesyen dan ke Mahkamah Tinggi.

Tuan Pengerusi, kita diberi tahu oleh Menteri Undang-undang pada tahun yang akan datang apabila siswa-siswa lulus daripada Fakulti Undang-undang maka kekurangan pegawai-pegawai di Jabatannya boleh dikurangkan. Tetapi jika tidak salah saya Hakim Besar atau Hakim di Mahkamah Tinggi ditetapkan kepada 15 orang sahaja. Ini pada pendapat saya tidak mencukupi jika kita hendak menyelesaikan semua kes-kes yang dibawa ke Mahkamah Tinggi. Oleh itu kalau perlu saya berharap bahawa Kerajaan akan meminda Perlembagaan kita supaya kita boleh menambah Hakim di Mahkamah Tinggi.

(Dengan izin) It is important, Mr Chairman, Sir, that the cases that go before the High Courts as indeed before the other Courts, should be heard as speedily as possible. We know that in civil cases it takes sometimes years for cases to be heard and justice delayed is justice denied to the people concerned. As such, Mr Chairman, Sir, I hope the Government would want to increase the number of High Court Judges from 15 to whatever figure that the Government may think suitable.

Now, I come to Head B. 4, Suruhanjaya Pilihanraya, page 36. Mr Chairman, Sir, I have just come back from the nomination

in the Kuala Kinabatangan constituency in Sabah on Saturday. I am glad that the Election Commission had deemed it fit to send two high-powered officials from Kuala Lumpur to Sandakan to oversee that nomination and I am glad that both in the Kuala Kinabatangan constituency and in the Labuan constituency there, nobody's nomination papers have been rejected. This is in marked contrast to the mass rejection of or failure on the part of Opposition Members to even file their nomination papers. When, Mr Chairman, Sir, I walked around that constituency and talked to the people, mereka bertanya kepada saya, "Encik, apa ini anda mahu kata?" They have all, because there has been no election since 1967, lost any knowledge of the electoral process of elections and to them democracy is meaningless. This is a very serious thing, Mr Chairman, Sir, if democracy and electoral process mean nothing to the people in this country, because they had been denied the chance in the past of going through the electoral process.

I submit, Mr Chairman, Sir, that the Government should jealously guard this democratic process of an election every five years, because once the people lose faith of, or have no knowledge of the electoral process, then I submit, as the Member for Kota Melaka has pointed out, that democracy means nothing to them and they will fall prey very easily to anti-national elements or to subversive elements.

Mr Chairman, Sir, I am glad that the elections will now take place in these two constituencies that I have referred to. I am glad also that the Police are there to maintain law and order and that they are not one-sided as they have been in the past and that the people now can go and campaign without fear or favour and the voters will be given a chance to listen to the reverse side of the story from Opposition Members or from people from the other side. As you know, Mr Chairman, Sir, in the contests that are now taking place in the Kuala Kinabatangan constituency and in the Labuan constituency, there are two parties, namely the USNO and the BERJAYA who both claim to be in the Barisan Nasional and both claim to be the favourite sons but they tell different stories, and I think it is all to the good if they have to justify their existence once every five years rather than, as had happened in the past.

where under the regime of Tun Mustapha, the electoral process had been denied to the people.

Tuan Pengerusi: No reference by name should be made to any Member of the House.

Dr Tan Chee Khoon: Under the regime of the previous Chief Minister, Mr Chairman, Sir

Tuan Pengerusi: Yes, that is all right.

Dr Tan Chee Khoon: Under the previous Chief Minister of Sabah, the electoral process had been denied to the people of Sabah. Like the Honourable Member for Sungai Siput, Mr Chairman, Sir, I wish to register my word of protest against the way in which the registration of voters has taken place. Beliau telah sebutkan bahawa pegawai sambilan yang menjalankan tugasnya tidak menjalankan tugasnya dan mereka ada di kedai kopi dan sebagainya. Tetapi, Tuan Pengerusi, I have in this House for many years, asked the Government why should not we have an all-the-year round registration. The Government has stated that the idea is a good one and has left it at that. If I may say so, I think the Election Commission is not interested in adding new names to the Electoral Rolls. I know that is a very serious charge to make of any statutory body, but that is so. I have in this House asked several questions. The Government has replied that it is a good idea, but it has not carried out that suggestion made not only by us in this House but by all the people in this House, that the registration of voters should be an all-the-year round exercise and should not, what is worse, take place during Puasa. As the Member for Sungai Siput quite rightly pointed out, it leads to lots of difficulties for the Muslims who want to pray at about the time when the Registration Officers come around. I submit, Mr Chairman, Sir, that the Government should make a serious attempt either to overhaul the whole machinery of the registration of voters and that includes an all-the-year-round registration of voters.

Mr Chairman, Sir, I now come to Head B. 9, page 61, Jabatan Perkhidmatan Awam, Code 1100 item (8). I notice that there is an increase of jawatan-jawatan yang berpencen di Negeri-negeri from 390 to 471. Bearing in

mind that we are in a period of austerity, this increase of 81 officers for the Pensions Branch is very significant and I hope this increase of officers for the Pensions Branch, plus the other increase all round that I think will lead to much better efforts and more productive output on the part of the Pensions Branch. Like the Honourable Member for Sungai Siput, I have had many complaints about pensioners having to wait not just for one month, not just two months, but they have to wait maybe sometimes two or even three years to get their pensions. As the Honourable Member for Sungai Siput has pointed out, some of them may even die before they get their pensions. This is regrettable and I hope that with this increase in the establishment and with the other increases all round, there will be a greater output of work by the Pensions Branch.

I also wish to draw the attention of the Jabatan Perkhidmatan Awam that in the matter of filling of posts that have been caused by resignations, deaths and the like, the utmost speed should be given where a case is made out and permission should be given to the respective Departments to fill such posts. In this House, Mr Chairman, Sir, I have asked the Prime Minister many questions in regard to vacancies created by people who resign, and I refer especially to the universities where there is a greater mobility of officers than in any other Departments. Academics the world over think nothing about jumping from Kuala Lumpur to London and vice versa, for example, and if the universities have to wait for a long time to get permission from the Jabatan Perkhidmatan Awam to fill such vacancies then it will be defeating the purpose of the Government, and the Prime Minister has stated that any vacancy that is created by a resignation will be filled if a case is made out.

Lastly, Mr Chairman, Sir, I wish to refer to the National Security Council. The Opposition has been challenged to state its stand on the recent outbreak of violence. I wish to state here and now that the Pekemas is against all forms of violence from whatever quarters it may be. But the Government must not think that by increasing the number of Armed Forces and by increasing the number of Police Force alone, they could curb the resurgence of urban guerilla warfare or even

the warfare in the jungle. The Government must know that it must win the hearts and minds of the people of this country, and that alone can win this warfare. The Government must know also that all the might of the British Empire was concentrated in this country during our twelve years of Emergency and all the might of the British Empire was not sufficient to curb the communist insurgency during the period 1948 to 1960. It was the declaration by the British Government that they would give independence to Malaya at that time, that brought about the improvement in the Emergency situation. I hope, Mr Chairman, Sir, that the Government must realise that the Socio-economic conditions in this country are equally, if not more, important than bullets and barracks.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.55 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.15 petang.

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

5.15 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Pengerusi, saya minta izin kalau ada sedikit sebanyak dalam ucapan saya termasuk dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, saya bercakap di bawah Kepala Bekalan 8—Jabatan Perdana Menteri, Pecahan-kepala 1100 berkenaan dengan Biro Siasatan Negara (NBI). Daripada peruntukan-peruntukan yang telah diuntukkan kepada Biro Siasatan Negara ini boleh dikatakan banyak wang diuntukkan. Sebagai contohnya, Tuan Pengerusi, di bawah Pecahan-kepala 1100 (7) kita menguntukkan wang bagi tahun 1976 sebanyak \$2,500,000 untuk membayar gaji ataupun di bawah tajuk Emolumen. Ini adalah merupakan wang yang banyak dan pada pendapat saya sudah kena pada tempatnya kita menguntukkan wang yang banyak supaya Biro Siasatan Negara berjalan dengan baik, dengan penuh efficient, kerana kita harus mencari jalan atau

berikhtiar untuk membenteras rasuah di negara kita ini. Dan kita telah menubuhkan suatu badan iaitu Biro Siasatan Negara untuk menjalankan tugas dan peranan ini, tetapi peruntukan wang yang banyak ataupun menubuhkan Biro Siasatan Negara tidak semestinya dapat membenteras rasuah di negara kita, sekiranya badan ini tidak efficient, sekiranya badan ini tidak mempunyai public confidence yang penuh. Saya bukanlah hendak menyatakan pada hari ini public confidence tidak ada kepada Biro Siasatan Negara malah ada, tetapi saya suka hendak membawa pandangan-pandangan untuk badan ini mengelakkan supaya jangan public confidence ataupun kepercayaan umum terjejas kepada Biro Siasatan Negara ini.

Baharu-baharu ini ada sedikit-sedikit peristiwa yang boleh menjejaskan nama baik Biro Siasatan Negara ini terutama sekali berkenaan dengan surat-surat yang telahpun diedarkan yang ada menyentuh sedikit-sebanyak kepada Ketua Pengarah, Biro Siasatan Negara ini. Saya amatlah dukacita sekali bahawa surat-surat ini telah diedarkan atau dipanjang-panjangkan tetapi perkara ini telah menjadi common knowledge dan saya amat dukacita sekali bahawa perkara ini telah berlaku, dan mengikut feedback dan siasatan-siasatan yang saya telah buat secara persendirian nampaknya kertas-kertas ataupun surat-surat itu boleh, jika tidak dikawal akan menjejaskan nama baik dan imej yang baik ataupun public confidence yang ada pada Biro Siasatan Negara ini.

Oleh hal yang demikian, saya mencadangkan supaya kita menubuhkan suatu Jawatankuasa yang dianggotai oleh Wakil-wakil daripada Semua Parti, baik daripada Barisan Nasional ataupun daripada parti-parti bukan Kerajaan, dan Pengerusi Jawatankuasa ini, saya suka hendak mencadangkan seorang yang terkenal dalam hal ini, Yang Arif Hakim Harun Hashim, bekas Ketua Pengarah Biro Siasatan Negara ini dahulu. Saya percaya dengan adanya tertubuh "Jawatankuasa All-Party" yang diketuai oleh seorang yang respected, iaitu terdiri daripada seorang Hakim, Yang Arif Hakim Harun Hashim, yang mempunyai pengalaman yang mendalam dalam hal rasuah, kerana beliau adalah merupakan Ketua Pengarah yang pertama badan tersebut, saya percaya apa juga syakwasangka yang timbul daripada surat-surat

akan dapat dihapuskan. Apabila saya membuat cadangan ini, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyatakan, saya tidak ada langsung tuduhan terhadap Ketua Pengarah, Biro Siasatan Negara ini. Saya percaya, beliau tidak bersalah. Saya percaya beliau adalah seorang yang jujur, ikhlas dan baik, tetapi untuk hendak mengelakkan syak-wasangka yang timbul daripada kesan-kesan surat-surat yang melayang yang perkara ini telah menjadi common knowledge, rasa saya ada baiknya Jawatankuasa yang saya cadangkan itu ditubuhkan dengan dipengerusi oleh Yang Arif Hakim Harun Hashim. Saya percaya dengan siasatan badan ini, beliau akan mendapati tidak ada apa-apa. He has nothing to fear. Dan saya percaya keputusan Siasatan Jawatankuasa itu akan menunjukkan betapa jujur, betapa ikhlas dan betapa baiknya beliau itu, maka terpendamlah, hapuslah segala tuduhan-tuduhan ataupun apa-apa perasangka yang timbul terhadap Ketua Pengarah, Biro Siasatan Negara itu.

Saya membuat syor ini seperti mana saya telah katakan tadi supaya public confidence terhadap badan itu akan terus berkekalan supaya badan itu benar-benar dapat menjalankan tugas dan peranannya dengan penuh effective sekali, lebih-lebih lagi badan itu merupakan satu badan yang bebas (independent) di negara kita ini di dalam menjalankan siasatannya.

Satu lagi perkara yang suka saya hendak sentuh berkenaan dengan perjalanan mereka membuat siasatan. Yang saya suka hendak tekankan ialah supaya seperti yang telah saya katakan tadi, public confidence hendaklah sentiasa ada kepada Biro Siasatan Negara ini dan cara mereka menyiasat juga boleh memperkuat public confidence terhadap Biro Siasatan Negara, cara-cara mereka menyiasat, approach mereka menyiasat juga boleh memperkukuhkan kepercayaan orang ramai terhadap Biro Siasatan Negara ini.

Dan satu daripada approach mereka menyiasat, saya bukan hendak mengajar itek berenang, Tuan Pengerusi, ini hanya sebagai pandangan saya, guide-lines yang saya fikir boleh memperkukuhkan dan memperkuat peranan Biro Siasatan Negara bergerak, iaitu yang pertamanya ialah siasatan yang mereka jalankan hendaklah mengikut peraturan. Seumpamanya kalau ada tuduhan terhadap sesiapa yang menyatakan seseorang itu kononnya ada memiliki wang katakanlah sebanyak

\$60 juta dan apabila tuduhan itu ada, maka Biro Siasatan Negara itu hendaklah menumpukan siasatan kepada tuduhan itu. Jangan merayau pula keluar entah ke mana-mana pergi. Lari daripada apa yang dituduh ataupun dibawa kepada pengetahuan Biro Siasatan Negara itu. Sepertimana saya beri misalannya tadi, kalau ada tuduhan seumpamanya seseorang itu ada memiliki asset ataupun harta sebanyak \$60 juta, maka janganlah pula mereka pergi siasat yang lain, timbul pula satu charge, umpamanya, misappropriation pula, itu sebagai contoh sahaja. Misappropriation, suatu kesalahan di bawah Penal Code (Kanun Keseksaan) walaupun tuduhan seseorang itu ada mempunyai harta \$60 juta adalah di bawah Prevention of Corruption Act. Ini adalah sebagai contoh, sebagai misalannya sahaja.

Di dalam contoh yang saya beri bagi menimbulkan maksud apa yang saya telah katakan tadi iaitu siasatan itu hendaklah mengikut peraturan. Seumpamanya saya contohkan lagi, katalah, seseorang itu didakwa dia melakukan murder—charged for murder. Jangan pula bila kita sudah siasat charged for murder itu timbul pula failure to renew a driving licence. Jadi tak kena. Dituduh orang itu membunuh, tiba-tiba timbul kesalahannya dia tadi tidak membaharui lesen memandu kereta.

Tuan Pengerusi: Sebagai tuduhan tambahan, bolehlah. Selain daripada membunuh orang tak ada lesen kereta pula lagi.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Itu sebagai contoh, Tuan Pengerusi, saya akan sentuh soal itu lagi. Itu perkara yang pertama, iaitu Biro Siasatan Negara kalau hendak menimbulkan kepercayaan orang ramai terhadapnya hendaklah membuat siasatan mengikut peraturan.

Yang kedua, satu lagi cara yang saya fikir boleh mengukuhkan siasatan ialah satu-satu siasatan itu tidaklah habis sebelum statement diambil daripada seseorang yang menjadi suspect. Itu suatu peraturan yang saya fikir patut dipegang oleh Biro Siasatan Negara. Saya nyatakan sekali lagi, Tuan Pengerusi, siasatan tidak habis sebelum kenyataan diambil daripada seseorang yang difikirkan bersalah. Biarlah berapa lama pun mereka siasat, kalau mereka tidak ada belum lagi mengambil kenyataan (statement) daripada suspect, maka kes itu belum lagi habis. Tetapi

apabila mereka sudah habis, mereka sudah ambil statement daripada suspect, mereka bimbang, tengok apa yang dikatakan oleh witness-witness yang menuduh, timbang pula kenyataan daripada suspect, weigh the evidence for the prosecution, weigh the evidence for the suspect, kemudian buat keputusan samada patut didakwa ataupun tidak didakwa. Disitulah baharu kes itu tutup atau barulah close. Sebelum daripada itu, kes itu masih lagi terbuka, siasatan masih lagi berjalan. Dan kalau umpamanya Biro Siasatan Negara menyatakan sesuatu case close, tetapi di samping itu mereka berjalan, mengambil lagi statement terutama sekali kepada suspect bermakna itu sudah silap. Kes itu belum lagi close.

Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, di dalam sesuatu dakwaan yang Biro Siasatan Negara hendak melakukan, kalau mereka sudah membuat keputusan hendak membawa dakwaan kepada seseorang itu, charge itu atau dakwaan itu hendaklah jangan dipecahkan terlampau banyak. Kerana kalau banyak sangat pecahannya, ini boleh memberi gambaran yang kurang baik kepada yang dituduh itu. Kalau ia dituduh katalah 20 kesalahan, 30 kesalahan dan kalau ini dibuat selalu, maka orang ramai akan mengatakan bahawa ini bukan prosecution, ini mungkin persecution. Maka timbullah tak percaya orang ramai ini terhadap Biro Siasatan Negara. Sebab itu, saya kata kalau mereka boleh buat, cubalah di dalam sesuatu dakwaan itu, cuba jangan pecahkan sampai 16, sampai 20, sampai 50 dakwaan. Cuba rangkumkan kesalahan-kesalahan itu dalam satu dakwaan. One count, two count, sehabis-habis banyak rasa saya lima count. Itu satu cara untuk menimbulkan kepercayaan orang awam kepada kerja-kerja dan peranan Biro Siasatan Negara ini.

Apa yang saya nyatakan tadi, Tuan Pengerusi, adalah termasuk di dalam satu panduan, satu hujjah iaitu sekiranya Biro Siasatan Negara hendak menimbulkan public confidence kepadanya, dan saya suka perkara ini berlaku, Biro Siasatan Negara mesti menunjukkan kepada orang ramai di dalam ia menyiasat sesuatu perkara itu, ia prosecute bukan persecute. Ini mesti dijaga. Kalau Biro Siasatan Negara membuat siasatan yang boleh menimbulkan appearance yang ia persecute kepada seseorang itu, maka orang ramai (public) akan menimbulkan perasaan

tidak percaya kepada Biro Siasatan Negara, maka ini akan mengurangkan kesan (effective) mereka bila mereka hendak membenteraskan rasuah dan patut kita benteraskan di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ini berucap agak panjang sedikit, cuma mengagak sahaja perkara yang belum timbul lagi.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Saya hanya suka hendak memberi pandangan di bawah Kepala ini supaya wang yang kita belanjakan untuk B.S.N. ini benar-benar dapat kesannya.

Tuan Pengerusi: Ya, itu betul, saya sudah benarkan sampai setakat ini, tetapi tuduhan cara yang disebutkan tadi belum diketahui lagi.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Oleh kerana saya telah ditegur oleh Tuan Pengerusi, saya akan mengemukakan point yang akhir.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat boleh bercakap mengenai perkara lain. Ada banyak Kepala-kepala, B. 1 hingga B. 12.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Saya hanya hendak memberi peluang kepada rakan-rakan saya yang lain. Jadi, biarlah saya bercakap dalam hal ini sahaja kerana belum disentuh lagi di dalam Jawatankuasa ini.

Satu lagi saya suka hendak menyentuh supaya siasatan yang dilakukan oleh Biro Siasatan Negara biarlah objective, jangan subjective, dan satu lagi berpegang kepada rule of law yang mengatakan:

“a person is innocent unless proved guilty.” Jangan mereka membuat sesuatu siasatan ini mengatakan: if this person is guilty, we must prove that he is guilty. Cari evidence di mana-mana, biar sampai bertahun-tahun sekalipun, prove he is guilty. Itu rasa saya approachnya salah, kerana kalau begitu caranya then a person is guilty unless he is proved innocent dan itu bercanggah dengan konsep rule of law yang kita hormati di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, itulah kesimpulan kesemuanya dan sekali lagi saya minta izin menyatakan sekali lagi cadangan saya tadi supaya satu "Jawatankuasa All-Party" atau satu jawatankuasa yang mengandungi semua anggota-anggota parti dalam negara kita ini yang diketuai oleh Yang Arif Tuan Hakim Harun Hashim hendaklah ditubuhkan supaya apa juga yang boleh menimbulkan syak-wasangka kepada B.S.N. dapat dihapuskan sama sekali dan saya berdoa moga-moga B.S.N. akan dapat menjalankan kerja-kerja mereka dengan baik dan dengan penuh teratur.

Saya suka hendak menyatakan bukan senang hendak menjalankan tugas-tugas B.S.N. ini dan di dalam keadaan yang susah mereka dapat sedikit sebanyak menjalankan kerja-kerja mereka. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada B.S.N. kerana mereka dalam keadaan yang teruk dapat menjalankan kerja mereka. Tetapi saya harap benar-benar agar Jawatankuasa ini dapat ditubuhkan supaya dengan sekali gus, dengan secara legal dan berkesan dapat dihapuskan sama sekali syak-wasangka yang mungkin akan timbul pada hari yang akan datang hasil daripada surat-surat keliling yang terbang yang mana ada menyentuh peribadi Ketua B.S.N.

5.33 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, dalam perbahasan ini, saya minta izin menyentuh beberapa perkara di beberapa Kepala.

Pertama, saya hendak menyentuh sedikit masalaah Suruhanjaya Pilihanraya khusus mengenai pendaftaran pengundi. Pada pandangan saya cara-cara yang diamalkan ataupun dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya ini dengan cara baru ini bagi saya amat tidak memuaskan hati sebab dengan cara ini pihak Suruhanjaya Pilihanraya menentukan tempat-tempat yang tertentu dan tempat-tempat itu kadang-kadang berjauhan daripada orang ramai daripada kampung-kampung yang tertentu. Cara yang lama yang telah diamalkan oleh Suruhanjaya ini pun apabila sampai waktu pilihanraya maka kita dapati ramai orang-orang yang keluar hendak mengundi tetapi tidak dapat mengundi oleh kerana nama-nama mereka tidak ada di dalam buku daftar mengundi. Saya sedar masalaah ini bukanlah hendak diletakkan

kesalahan ini kepada Suruhanjaya Pilihanraya, tetapi hendaklah kita menginsafi bahawa keadaan rakyat di dalam negara kita ini tidaklah keseluruhannya memahami benar-benar akan feadah ataupun maksud pengundian ataupun maksud hendak memberi undi kepada satu-satu parti atau satu-satu calon. Tetapi apabila sampai masa pilihanraya selepas kempen-kempen yang hangat maka mereka itu sedar dan naik semangat untuk hendak mengundi sedangkan waktu diseru mereka itu mendaftarkan undi, mereka itu tidak terasa bahawa perkara ini mustahak, tetapi apabila sampai masanya hendak mengundi mereka pergi, tetapi nama-nama mereka tidak ada di dalam buku-buku daftar mengundi. Saya harap kepada pihak yang berkenaan supaya mengkaji semula sistem ini dan cuba menyusun satu sistem yang lebih baik bagi memberi kemudahan kepada pengundi-pengundi untuk mendaftar mengundi dan diharap supaya pengundi-pengundi atau orang yang berhak dan layak dalam negara ini dapat mengundi.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh sedikit lagi mengenai apa yang telah disentuhkan oleh rakan saya daripada Sepang tadi iaitu mengenai Badan Pencegah Rasuah. Saya hanya suka menyentuh sedikit iaitu mengharap kepada Badan ini supaya lebih menitikberatkan kepada orang-orang yang memberi rasuah ataupun sekurang-kurangnya sama mengambill berat, dan orang-orang yang memberi rasuah dengan orang-orang yang menerima rasuah, sebab saya fikir, punca-punca ini bukanlah kita boleh hendak salahkan kepada orang-orang yang menerima semata-mata. Kalau kita meneliti atau cuba menyiasat peristiwa rasuah ini adalah didorong oleh orang-orang yang berkehendak kepada sesuatu pertolongan ataupun kepada orang-orang yang menghendaki atau berkehendak kepada keuntungan yang lebih ataupun orang-orang yang hendak merampas hak yang patut diterima oleh orang lain. Maka mereka itu menggunakan wang yang banyak untuk memperdayakan orang-orang yang tertentu yang mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu supaya menyalahgunakan kuasa-kuasanya untuk diberi kepada dia sedangkan dia tidak mempunyai kelebihan dan kelayakan yang sepatutnya.

Tuan Pengerusi, kita hendaklah sedar bahawa di dalam negeri kita ini dengan sebab pemberi-pemberi rasuah ini berjaya memberi rasuah kepada orang-orang yang tertentu maka mereka itu dapat membolot kekayaan yang banyak. Mereka dapat mencari keuntungan yang lebih daripada pemberian rasuah. Katakanlah seseorang ahli perniagaan ataupun sebagainya, ia sanggup mengeluarkan wang untuk rasuah sebanyak \$10,000 sebab mereka memperhitungkan apabila perkara ini dapat kepada mereka, maka mereka akan dapat keuntungan sehingga \$30,000-\$50,000, sebab itulah mereka tidak sayang untuk mengeluarkan wang rasuah untuk orang-orang yang tertentu supaya mereka dapat membolot keuntungan yang lebih. Jadi kalau kita hendak menitikberatkan atau menyalahkan semata-mata kepada orang yang menerima, saya rasa tidak menjadi keadilan. Dalam soal ini kita tahulah sifat manusia sekali tidak berjaya maka mereka itu akan cuba lagi beberapa kali sehingga berjaya. Sebab itulah saya mengharapkan kepada Badan ini lebih menumpukan atau lebih menitikberatkan kepada orang-orang yang memberi rasuah, orang-orang yang memperdayakan orang yang menerima itu dapat dihukum atau diambil tindakan supaya mereka ini tidak lagi berusaha untuk memberi rasuah. Saya yakin dan percaya apabila tidak ada orang yang hendak memberi rasuah, maka sudah tentu tidak ada orang yang akan menerima, sebab tidak ada orang yang akan memberi.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya suka menyentuh sedikit dalam Kepala B. 8 juga Pecahan-kepala 4100—(13) Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Saya mengucapkan tahniah ataupun berasa bangga dengan usaha-usaha lembaga ini selama ini untuk memberi kemudahan kepada bakal-bakal haji, cuma saya hendak sentuhkan sedikit masalah pentadbirannya ataupun masalah kerja-kerjanya yang dilaksanakan yang saya rasa kurang memuaskan hati.

Tuan Pengerusi, yang pertama saya hendak sentoh masalah ataupun mengenai peraturan perbadanan ini menentukan syarat kepada bakal-bakal haji supaya memenohkan simpanannya beberapa bulan ataupun tiga bulan sebelum mereka itu hendak menunaikan

fardhu haji. Masalah ini adalah satu masalah kepada bakal-bakal haji yang hendak menunaikan fardhu haji dan hendak mengumpulkan wang beribu-ribu ringgit bagi menentukan mereka itu dapat menunaikan fardhu haji. Saya berharap kepada perbadanan ini menimbangkan kembali peraturan ini supaya dapat memberi kemudahan kepada orang-orang kampung yang hendak menunaikan fardhu haji dapat mereka itu menunaikan fardhu haji walaupun mereka itu dapat memenohkan simpanannya di saat-saat yang akhir.

Tuan Pengerusi, saya menyeru kepada perbadanan ini supaya memberi pertimbangan dan kemudahan kepada pihak-pihak swasta yang hendak menguruskan masalah orang-orang yang hendak pergi haji. Setahu saya sehingga ini pihak Lembaga Urusan Tabung Haji tidak membenarkan pihak-pihak swasta hendak menurunkan tambang pergi haji misalnya dengan kapal terbang maka dihadkan dan dipaksa supaya ini sekurang-kurangnya sama mahal ataupun lebih mahal daripada apa yang ditentukan oleh Lembaga Urusan Tabung Haji. Saya fikir kalau peluang ini diberi kepada pihak swasta untuk memberikan tawaran yang lebih murah pihak swasta dapat memberikan tawaran yang lebih murah untuk tambang pergi haji. Dengan cara ini kita dapat menolong ataupun Kerajaan dapat menolong rakyat yang miskin pergi menunaikan fardhu haji dengan tambang yang lebih murah daripada apa yang ada sekarang ini. Jadi, dengan keadaan yang ada sekarang ini mahu tidak mahu bakal-bakal haji terpaksa mengikut tambang yang ditentukan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Kalau sekiranya Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini dapat memberi kebebasan yang seperti ini, maka saya yakin dan percaya sedikit-sebanyak perlawanan ataupun kemudahan dapat diberi kepada bakal-bakal haji yang hendak menunaikan fardhu haji dengan maksud hendak menarik mereka itu pergi dengan urusan mereka. Jadi secara tidak langsung bakal-bakal haji ini dapat menunaikan fardhu haji dengan tambang yang lebih murah.

Tuan Pengerusi, masalah rungutan ataupun sungutan yang berlaku pada tahun ini, misalnya, kepada bakal-bakal haji yang telah pergi ke Mekah pada tahun ini dengan peraturan baru Kerajaan Saudi menentukan syeikh-syeikh haji mengikut kehendak mereka, maka berlakulah peristiwa isteri

berlainan Syeikhnya dengan suami, anak berlainan Syeikhnya dengan bapa ataupun ibu. Masaalah ini, Tuan Pengerusi, saya berharap pada pihak yang bertanggungjawab bersedia merundingkan dengan pihak-pihak yang tertentu di Saudi supaya dapat memberi kemudahan kepada bakal-bakal haji memilih Syeikh-syeikh haji yang tertentu di Mekah. Sebab, Tuan Pengerusi, apa yang kita tahu selama ini layanan yang diberi kepada bakal-bakal haji ini tidak sama di antara satu Syeikh dengan satu Syeikh haji. Kalau pihaknya menentukan Syeikh-syeikh ini, maka sudah tentu layanan-layanan yang tidak memuaskan hati bakal-bakal haji ini diberi oleh Syeikh-syeikh haji mereka itu tidak pilih, dan pihak Syeikh itu akan mengatakan aku tidak mencari kamu datang kepada aku, tetapi kamu ini datang kepada aku dengan tidak payah aku memberi layanan yang tertentu, kamu tetap mari pada aku. Jadi, tidak ada perlawanan ataupun tidak ada tarikan hendak diberi, maka dengan cara ini sudah tentu bakal-bakal haji kita akan menerima layanan yang tidak memuaskan hati. Oleh yang demikian, saya mengharap benar-benar kepada pihak yang tertentu ataupun pihak yang bertanggungjawab di dalam masaalah ini mengambil berat merundingkan hal ini dan memberi puas hati kepada bakal-bakal haji kita. Sebagaimana kita semua mengetahui bahawa bakal-bakal haji ataupun orang-orang yang pergi menunaikan haji itu kadang-kadang tidak pernah keluar daripada negerinya, ada setengahnya tidak pernah keluar daripada sekitar kampungnya, mereka himpun duit terus pergi ke Mekah. Jadi, mereka itu tidak tahu langsung kira-bicara dan ada setengah-setengah daripada mereka itu tidak tahu langsung hendak membuat urusan. Ada setengah-setengahnya berlaku perkara-perkara yang pelik, ada setengah orang kampung kita yang tidak tahu pakai kasut, pakai kasut terbalik pun ada. Masaalah ini kita dapat menggambarkan bahawa mereka itu tidak tahu untuk hendak menguruskan sendiri, mencari kesenangan sendiri. Kepada orang yang biasa melawat, kepada orang-orang yang biasa keluar negeri, kepada orang-orang yang biasa ke majlis-majlis ke tengah tidak menjadi masaalah atau tidak menjadi hal, Tuan Pengerusi. Oleh hal yang demikian, saya berharap benar-benar supaya pihak yang berkenaan memberi pertimbangan, memberi perhatian yang lebih berat dalam masaalah ini dan saya tidak

menafikan usaha-usaha yang telah diusahakan oleh Lembaga dan Urusan Tabung Haji yang selama ini memberi kemudahan-kemudahan kepada bakal-bakal haji.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya suka menyentuh sedikit di bawah Kepala P. 8, Pecahan-kepala 6—Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah.

Tuan Pengerusi, saya berasa bangga dan saya mengucapkan terima kasih di atas tindakan ataupun di atas ambil berat Kerajaan kita dalam masaalah pembangunan ataupun dalam masaalah membangunkan negeri Trengganu ini. Selain daripada itu, saya berasa bangga benar kerana Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ini sendiri mempunyai pengaruh ataupun mempunyai pegawai-pegawainya yang bersungguh-sungguh dan cekap untuk menyusun, untuk mentadbirkan ataupun untuk memajukan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ini. Di samping itu, saya mengharap benar-benar kepada Kerajaan kita mengambil perhatian yang lebih berat di dalam projek Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ini supaya projek-projek yang dijalankan di dalam kawasan ini dapat dilaksanakan dengan sempurna dan dengan secepat mungkin.

Saya mengharapkan kepada pihak yang tertentu yang bertanggungjawab dengan Lembaga ini supaya dapat menentukan projek-projek ini ataupun perlaksanaannya berjalan mengikut apa yang telah dirancang dan mengikut apa yang dikehendaki. Selain daripada itu, saya mengharapkan supaya Kerajaan kita dalam membantu Lembaga Kemajuan Trengganu tengah ini dapat memberi peruntukan yang lebih dan memberi layanan yang lebih kepada projek ini. Sebab saya mengharapkan sungguh-sungguh supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan segera, dapat dilaksanakan dengan sempurna dan dapat memberi pertolongan kepada rakyat negeri ini khususnya kepada rakyat negeri Trengganu yang sedang menunggu ataupun yang tertunggu-tunggu hendak melihat kemajuan Lembaga Trengganu Tengah ini dapat dijalankan dengan sempurna dan rakyat di negeri Trengganu menggantungkan harapan kepada projek ini supaya mereka itu dapat menumpang mencari nafkah dan mereka mengharapkan supaya dapat menumpang hidup di dalam projek ini. Lebih-lebih lagi di masa sekarang wabak inflasi melanda kita

dan sekarang ini kita menghadapi pula masalah-masalah kekurangan wang, masalah kemerosotan ekonomi dan sebagainya, lebih-lebih lagi mereka itu meletakkan harapan kepada projek ini. Oleh yang demikian, sekali lagi saya mengharap kepada Kerajaan kita lebih menumpukan perhatian kepada projek ini dan saya merayu kepada Kerajaan memberi peruntukan yang lebih kepada projek ini tidaklah sebagaimana yang telah dicatitkan di sini. Jadi inilah seruan saya kepada Kerajaan kita.

Selain daripada itu, saya suka menyentuh sedikit dalam P. 8 ini juga Pecahan-kepala 8 mengenai Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan-jalan di Luar Bandar. Saya rasa amat dukacita sekali dalam projek ini ataupun di dalam pemberian ini pada tiap-tiap tahun saya sedar dan saya tahu ramai di antara Ahli-ahli Parlimen ini, ramai rakan-rakan saya telah menyebut dalam masalah ini. Pemberian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri ini apa yang berlaku atau di mana salah dan di mana silapnya saya pun tidak mengetahui, tetapi apa yang berlaku sekarang pemberian-pemberian ini baru mula dilaksanakan dan baru mula dijalankan ataupun projek-projek jalan di luar bandar ini baru ditungkus-lumus lebih-lebih lagi kepada orang-orang di Pantai Timur. Masalah ini kalau di negeri-negeri di Pantai Timur hendak dibuat jalan-jalan di luar bandar, hendak perhabiskan wang-wang kita, setengah-setengahnya apabila kita tanya "kenapa baru dibuat" maka mereka itu menjawab, "wang baru sampai, peruntukan baru sampai". Saya kata kenapa baru dibuat lagi, walaupun sampai hantar balik wang ini tidak payah dihabiskan begitu sahaja. Buat hari ini, esok jahanam jalan itu. Kalau kita hantar balik, kita rugi sahaja. Kita tidak dapat apa-apa. Habis yang kita buat apa untungnya? Buat hari ini seminggu kemudian habis jalan itu balik. Jadi saya suka menegur benar-benar di dalam masalah ini supaya kita tidak membazirkan wang negara kita. Berpuluh-puluh ribu, beratus-ratus ribu ringgit kita membazirkan bagi projek membuat jalan di luar bandar; di bulan Ogos, buat di bulan Oktober dan November tidak ada erti langsung kepada negeri-negeri di Pantai Timur. Ini semata-mata membazir.

Sekarang ini kalau kita pergi ke negeri-negeri di Pantai Timur kita dapat melihat di mana-mana J.K.R. membuat kerjanya dengan bersungguh-sungguh sekali hatta overtime pun diberi. Overtime apa? Hari ini dibawa dengan lori, sambung—besuk turun hujan habis jahanam. Lebih baik tidak usah dibelanjakan kalau begini hendak diberi, lebih baik tidak usah diberi. Kalau diberi untuk membuat pada bulan Oktober, November dan Disember di negeri-negeri di Pantai Timur. Membazir, khianat wang rakyat. Kalau diberi awal-awal supaya jalan itu sempurna, rakyat dapat menumpang nikmat kepada jalan-jalan yang dibuat dan dapat menikmati di atas peruntukan Kepala ini. Jadi, saya rasa amat kesal sekali dengan tindakan-tindakan yang seperti ini. Bukan tahun ini sahaja malah pada tahun-tahun yang lepas pun pernah saya mendengar sunggutan-sunggutan, tetapi ini juga yang berlaku. Beberapa kali telah diberi sunggutan tetapi ini juga yang berlaku. Saya berharap benar-benar supaya diambil perhatian supaya diberi pertimbangan yang sewajarnya supaya wang ini tidak membazir, supaya rakyat dapat menikmati pemberian yang diberi oleh Kerajaan ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya hendak sentuh sedikit mengenai masalah keselamatan kita. Sedikit sahaja yang saya hendak sentuh oleh kerana perkara ini terlampau hangat pada masa ini dan tentulah negara kita tertumpu kepada masalah keselamatan ini.

Tuan Pengerusi: Di bawah Kepala mana?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Di bawah Kepala 8.

Tuan Pengerusi: Kalau tidak ada Kepala tidak boleh bercakap (*Ketawa*). Ramai Ahli-ahli lain menunggu.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Saya sudah pening kepala, tetapi kepalanya ada. Kalau Tuan Pengerusi izinkan, saya hendak sebut.

Tuan Pengerusi: Sila, tetapi rengkaskan.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Saya hendak sebut rengkas sahaja—payah hendak cari Kepala (*Ketawa*)—tetapi memang ada.

Tuan Pengerusi, saya hendak sebutkan sedikit mengenai keselamatan dalam negeri kita ini. Cuma sedikit sahaja saya minta kepada pihak berkenaan di dalam negara kita ini supaya mengkaji dengan teliti supaya dapat membuat satu statistik dan maklumat yang terang daripada penduduk-penduduk di dalam negara kita ini; berapa ramai rakyat di dalam negara ini yang berjuang di dalam hutan atau di bandar sebagai kominis. Saya tahu pihak yang bertanggungjawab dengan keselamatan di dalam negara kita ini bijak dan cekap menyiasat, mengkaji dan mencari rahsia kominis. Satu perkara saya minta dari jumlah angka-angka kominis yang ada di dalam negara kita ini, berapa ramaikah orang Melayu yang menjadi kominis, berapa ramaikah orang India yang menjadi kominis, berapa ramaikah orang China yang menjadi kominis ataupun berjuang di dalam hutan yang mengancam keselamatan negara ini. Daripada penyiasatan itu sekiranya didapati orang Melayu lebih ramai menjadi kominis, kajilah kenapa mereka menjadi kominis. Dan kita sudah tahu bahawa kominis di mana-mana sahaja mereka itu berjuang untuk mendapatkan kekuasaan pemerintahan negara ini dengan secara kekerasan, bukan mereka itu berjuang dalam hutan untuk merebut tanah sawah padi atau lesen teksi, tetapi hendak merampas kekuasaan pemerintahan negara kita.

Sekiranya didapati orang China lebih ramai berjuang dalam hutan sebagai kominis, kajilah kenapa mereka itu menjadi kominis untuk merampas negara kita. Saya harap Kerajaan mengambil berat kenapa mereka itu masuk dalam hutan. Adakah mereka masuk hutan kerana tidak dapat hidup di luar? Adakah mereka itu berjuang sebagai kominis kerana mereka itu tidak cukup makan? Kalau mereka menjadi kominis kerana semata-mata hendak merampas kuasa negara ini, maka kita hendaklah mengamati golongan yang lebih ramai menjadi kominis itu. Sebab kita tahu kominis di dalam hutan tidak akan dapat hidup kalau orang-orang di bandar tidak memberi makan kepada mereka. Kita tahu kominis di dalam hutan tidak dapat hidup kalau orang-orang kaya di dalam bandar tidak memberi makan kepada mereka itu. Sebab itu, saya mengharapkan pihak Kerajaan supaya mengambil tindakan sekeras-kerasnya kepada orang di bandar yang memberi makan atau menanggung mereka itu di dalam hutan. Sudah tentu kita

dapat tahu dari golongan mana mereka itu ramai, maka golongan bangsa mereka golongan bangsa mereka itulah memberi makan kepada mereka itu di dalam hutan. Perkara ini kalau kita tidak ambil berat adalah merbahaya.

Kita tahu mereka itu membunuh askar di dalam hutan, tetapi mereka tidak duduk di dalam hutan selepas mereka membunuh Pasukan Keselamatan samada askar atau polis, mereka itu keluar pula dan hidup di bandar dengan kita. Dan di saat-saat akhir ini kita tahu bahawa orang-orang kominis itu melakukan keganasan bukan lagi di dalam hutan tetapi di bandar-bandar, yakni lebih dekat dengan mereka yang menanggung kehidupan mereka. Mereka itu tidak takut. Mungkin mereka itu dapat bertindak membunuh pegawai keselamatan kita dan selepas membunuh itu mereka terus dapat balik hidup di rumah-rumah besar, di rumah-rumah orang kaya, sebab orang-orang kaya besar yang menanggung mereka itu. Bukan orang miskin yang menanggung mereka itu, sedangkan orang-orang kaya itu mencedok dan mengambil kekayaan daripada kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Kerajaan kita kepada mereka itu.

6.07 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit):

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh Kepala B. 1—Parlimen. Adapun perbelanjaan mengurus yang diperuntukkan kepada tahun 1976 ini ialah \$6,662,500. Di dalam buku Anggaran Belanjawan 1976, muka surat 25 di dalam perenggan 2 ada menyebutkan:

“Beban-beban kerja akan bertambah dengan banyaknya berhubung dengan lawatan-lawatan yang dibuat oleh orang ramai ke Bangunan Parlimen”.

Tuan Pengerusi, di dalam buku Anggaran Belanjawan ada menyebutkan seramai 61,000 orang pelawat mengunjungi bangunan Parlimen di dalam 1975 dan mungkin pelawat akan meningkat seramai 64,000 orang yang akan melawat ke bangunan Parlimen pada tahun 1976. Pelawat-pelawat yang datang ke bangunan Parlimen pada tahun 1976. Pelawat-pelawat yang datang ke bangunan Parlimen ini bukan sahaja daripada dalam negeri tetapi juga datang dari luar negeri, terutama di masa cuti sekolah. Saya

harap pada masa akan datang pihak berkenaan dapat memperuntukkan kepada bahagian yang berkenaan sedikit wang untuk membuat suatu lencana yang berlambangkan bangunan Parlimen yang indah ini untuk cenderamata kepada pelawat-pelawat yang datang ke bangunan Parlimen.

Tuan Pengerusi, di dalam buku Belanjawan Persekutuan 1976, muka surat 30 Pecahan-Kepala 2700 Bekalan dan Bahan-bahan diperuntukkan sebanyak \$100,000—(1) Pentadbiran Am. Saya sukacita mendapat penjelasan berkenaan wang ini adakah diperuntukkan bagi membuat pagar Bangunan ini ataupun lain-lain hal. Kalau untuk membuat pagar Bangunan Parlimen ini saya rasa dengan wang sebanyak ini mungkin pagar yang hendak dibuat itu tidaklah kukuh. Suka saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Bangunan Parlimen ini eloklah dipagar dengan pagar yang kukuh dan seimbang dengan keindahan Bangunan Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada B. 4 Suruhanjaya Pilihanraya. Adapun Kepala B. 4 telah diuntukkan sebanyak \$2,572,800. Di sini suka saya menyentuh berkenaan dengan Pecahan-kepala 1200—Elaun dan lain-lain Habuan Wang, Aktiviti (2) Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyelesaian Daftar-daftar Pemilih, muka surat 36.

Pada tahun ini peruntukannya begitu besar sebanyak \$474,529 untuk Semenanjung Malaysia berbanding dengan tahun 1975 cuma \$13,680 sahaja. Untuk melaksanakan Penyelesaian Daftar-daftar Pemilih ini amatlah rumit, namun begitu perlaksanaannya hendaklah pihak yang berkenaan bekerja lebih keras lagi dan berhati-hati agar pada masa yang akan datang rakyat tidak lagi bersungut kepada mereka kerana tidak dapat mengundi.

Tuan Pengerusi, suka saya mengesyorkan kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya agar bekerja rapat dengan Kementerian Undang-undang dan Pejabat Penerangan supaya segala pengumuman-pengumuman hendaklah disampaikan ke daerah desa-desa dan pedalaman supaya mereka tidak ketinggalan. Sepertimana kita ketahui setiap daerah di Malaysia ini ada mempunyai Pejabat Penerangan. Adapun pegawai-pegawai yang bertugas di bahagian ini hendaklah sentiasa

berdisiplin dan seelok-eloknya terdiri daripada anak tempatan daerah itu sendiri. Suka saya mencadangkan di sini elok rasanya pegawai-pegawai tersebut pergi ke tiap-tiap rumah rakyat yang ada di Malaysia ini. Saya rasa perkara ini lebih berkesan lagi.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada B. 7. Izinkan saya bercakap sedikit berkenaan dengan prestasi di muka surat 51 di dalam Buku Anggaran Belanjawan, 1976 di dalam bahagian Pengambilan. Sepertimana tercatat di dalam Buku Anggaran Belanjawan, 1976 bahawa jawatan Kerani Sekolah di setiap sekolah di Malaysia ini akan disatukan ke dalam Perkhidmatan Kerani Pelajaran. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran kerana mengambil berat perhatian yang adil lagi saksama terhadap Kerani-kerani Sekolah pada masa ini. Selalu sahaja kita terbaca di akhbar-akhbar bahawa Kerani-kerani Sekolah mengharapkan pembelaan terhadap mereka, oleh yang demikian selesailah sudah sungutan-sungutan yang tidak puas hati itu selama ini.

Tuan Pengerusi, di muka surat 51 di dalam Buku Anggaran Belanjawan ada menyebutkan iaitu di dalam bahagian Pasukan Temuduga. Angka-angka yang dicatitkan di sini ialah daripada 4,000 hingga 5,000 jawatan guru-guru yang kosong. Saya harap Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dengan secepat mungkin mengambil guru-guru pelatih ini untuk mengikuti kursus-kursus di maktab-maktab oleh kerana pada masa ini kita kekurangan tenaga pengajar. Suka saya mendapat penjelasan daripada pihak ini ataupun Menteri yang berkenaan adakah angka-angka ini termasuk Guru-guru Ugama.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, Kepala B. 8 telah di-untukkan dengan wang yang banyak untuk melaksanakan berbagai projek pada tahun 1976 ini. Izinkan saya menyentuh kedua-duanya sekali iaitu Kepala B. 8 sejumlah \$41,874,300 dan Kepala P. 8 sejumlah \$124,006,200. Jumlah kedua-duanya ialah sebanyak \$165,880,500. Izinkan saya menyentuh di dalam Buku Anggaran Belanjawan, 1976 di muka surat 57, 58, 59, 60 hingga ke muka surat 85.

Di dalam Buku Belanjawan Persekutuan, 1976 di muka surat 57, 58, 59 dan 60 saya akan sentuh satu-persatu Pecahan-kepala B. 8 dan P. 8.

Tuan Pengerusi, di dalam Buku Anggaran Persekutuan, 1976 di muka surat 57 ialah Perancang Ekonomi. Rancangan Malaysia Kedua akan tamat riwayatnya tidak berapa hari lagi, oleh yang demikian akan tibalah pula Rancangan Malaysia Yang Ketiga yang sudah pasti, kalau tidak silap saya pakar-pakar perancang ekonomilah yang akan membuat segala kajian untuk dimuatkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga nanti. Suka saya meningkatkan bahawa pakar-pakar yang dipinjam daripada luar negeri itu adakah mereka benar-benar tahu selok-belok tanahair kita ini. Iklim di negara kita tidak sama dengan iklim dari negara pakar-pakar itu datang, walau bagaimanapun terpulanglah di atas kebijaksanaan pegawai-pegawai yang berkenaan. Saya bukanlah pakar, cuma yang dapat saya katakan di sini bahawa tidak semuanya pendapat pakar-pakar tersebut elok belaka, walau bagaimanapun terpulanglah di atas kebijaksanaan pegawai-pegawai perunding kita.

Tuan Pengerusi, menyentuh projek industri di negara kita ini, sepertimana dikehendaki oleh Kerajaan di dalam Buku Anggaran Belanjawan, 1976 bahawa bumiputra akan menyertai di bidang ini. Saya tidak tahulah bumiputra yang macam mana yang akan menyertai bidang perindustrian ini nanti. Adakah bumiputra yang sudah stabil ataupun bumiputra yang tidak tinggal di desa-desa? Kerajaan sudah tentu dapat segala pengajaran dengan adanya kilang-kilang seperti di Taiping, Petaling Jaya, Pulau Pinang dan lain-lain lagi iaitu bumiputra ketinggalan jauh untuk memasuki bersama di bidang industri. Oleh yang demikian, dengan pengajaran yang telah lalu itu pihak yang berkenaan haruslah berhati-hati.

Tuan Pengerusi, di dalam muka surat 58 Kertas Perintah 37 berkenaan dengan Jawatankuasa Pelabur Asing. Tuan Pengerusi, tujuan Kerajaan mengambilalih firma-firma asing dan mencantumkan perdagangan di Malaysia ini amatlah baik pada dasarnya. Suka saya mengesyorkan di sini saham-saham hendaklah dipegang oleh badan-badan yang berkenaan seperti MARA, PERNAS, UDA atau orang perseorangan dan untuk

rakyat Malaysia. Saham-saham tersebut hendaklah sekurang-kurangnya 60 peratus Malaysia dan 40 peratus pelabur asing. Sekiranya mereka tidak menyetujui perkara yang saya katakan tadi, kita beralih kepada cara yang lain yang mana akan menguntungkan kita.

Tuan Pengerusi, di muka surat 59, izinkan saya menyentuh berkenaan dengan keselamatan negara. Tuan Pengerusi, sudahlah sampai masanya bagi kita tidak lagi berlemah-lembut. Masanya sudah sampai bagi kita bertegas dan berkeras. Segala penjenayah-penjenayah yang merosakkan negara kita ini dihukum mati. Tidak ada pengampunan lagi untuk mereka yang merosakkan negara. Tuan Pengerusi, Kerajaan hendaklah mengambil berat kepada kakitangan Kerajaan sendiri pada masa ini. Kita harus menaruh perasaan tanggungjawab kepada Kerajaan yang mana rahsia-rahsia Kerajaan hendaklah disimpan dengan baik dan teratur. Suka saya mengingatkan di sini seandainya ada kakitangan Kerajaan yang membocorkan segala rahsia-rahsia Kerajaan ataupun disebaliknya mereka ini hendaklah dihukum dengan hukuman yang berat. Suka saya mengingatkan Kerajaan ataupun pihak yang berkenaan jikalau hendak membuat satu operasi di dalam hutan-hutan ataupun di mana-mana tempat, janganlah hendaknya diheboh-hebohkan di dalam radio dan talivisyen ataupun surat-suratkhabar. Pasukan keselamatan kita buat operasi senyap-senyap, lepas itu barulah kita akan dapat hasilnya. Kalau kita heboh-hebohkan cuma tinggal bekas sahajalah yang didapati.

Tuan Pengerusi, beralih saya kepada muka surat 60 di dalam Buku Anggaran Belanjawan, 1976 berkenaan dengan pentadbiran Ugama Islam. Pertama ialah berkenaan dengan ekonomi Islam. Sudah lama Yayasan Ekonomi Islam ini ditubuhkan. Tabung Ekonomi Islam akan timbul apabila menjelang Hari Raya Puasa pada tiap-tiap tahun, selepas itu Yayasan Ekonomi Islam ini akan tenggelam entah ke mana. Ingin saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berapa banyakkah wang yang ada di dalam Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam sekarang? Apakah kemajuan yang telah dicapai? Kedua ialah berkenaan menguatkuasa dengan lebih berkesan lagi Undang-undang Pentadbiran Majlis Ugama Wilayah Persekutuan bagi

mencegah ugama-ugama sesat, arak, bersekedudukan dan sebagainya. Untuk melaksanakan perkara ini amatlah mudah tetapi pihak yang berkenaan terpaksa menyediakan pegawai-pegawai yang cekap dan tegas. Saya rasa pihak Polis dapat bersama-sama membenteraskan perkara yang terkutuk ini.

Tuan Pengerusi, adapun pada masa ini kedai-kedai makanan orang-orang Islam banyak menjual minuman keras dan arak. Kedai-kedai makanan orang-orang Islam telah menyediakan pelayan-pelayan wanita yang cantik-cantik untuk menarik pelanggan. Kedai-kedai ini terdapat di dalam Wilayah Persekutuan

Tuan Pengerusi: Restoran-restoran ini di bawah kepala mana?

Tuan Mohd. Bakri bin Abd. Rais: Belanjawan, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*). Pentadbiran Ugama Islam.

Tuan Pengerusi: Pecahan-kepala kecil mana?

Tuan Mohd. Bakri bin Abd. Rais: Kepala B. 8.

Tuan Pengerusi: B. 8 itu kepala bekalan-nya.

Tuan Mohd. Bakri bin Abd. Rais: Pembangunan Ugama Islam, muka 60, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Muka 60 itu bukan. Itu penerangan daripada Perbendaharaan. Pecahan-kepala berapa tentang restoran itu tadi? Tidak apalah teruskan.

Tuan Mohd. Bakri bin Abd. Rais: Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 4100. Kedua, ialah berkenaan dengan menguatkuasakan dengan lebih berkesan lagi Undang-undang Pentadbiran Majlis Ugama Wilayah Persekutuan.

Adapun masaalah bersekedudukan ini amat rumit untuk membenterasnya. Walau bagaimanapun, pihak yang berkenaan tentu pandai menjalankan penyiasatan.

Yang ketiga ialah berkenaan dengan menyelesaikan pengaduan-pengaduan yang dikemukakan oleh wanita Islam. Tuan Pengerusi, adapun hukum syarak sudah cukup untuk menyelesaikan perkara-perkara wanita Islam di dalam dunia ini. Hukum Allah tidak dapat kita pinda lagi, hanya yang jahat ialah manusia yang tidak mahu mengikutnya. Saya harap wanita Islam tentu bersejua dengan saya bahawa hukum-hukum syarak daripada kitab-kitab Allah dan Hadis Rasul sudah cukup untuk meninggikan taraf wanita. Wanita Islam ataupun yang bukan Islam yang baik ialah menurut kata suaminya, menjaga aurat, patuh kepada Allah dan jaga maruah.

Tuan Pengerusi: Suami yang macam mana pula? (*Ketawa*).

Tuan Mohd. Bakri bin Abd. Rais: Tuan Pengerusi, majallah-majallah, risalah-risalah dan buku-buku yang bercorak keugamaan hendaklah dicetak dengan banyaknya dan disebarkan keseluruh negara. Kepada mereka yang mengajar ugama sesat hendaklah kita awasi dan apabila didapati hukuman yang berat hendaklah dikenakan.

Masaalah tanah perkuburan orang Islam di Wilayah Persekutuan ini sudah menjadi rumit pada masa ini. Tanah perkuburan di Jalan Ampang sudah sempit. Saya harap pihak yang berkenaan dapat memperuntukkan satu kawasan tanah perkuburan orang-orang Islam. Adapun orang-orang bukan Islam masaalah yang sama juga telah mereka hadapi.

Tuan Pengerusi, di muka surat 60 dan 61

Tuan Pengerusi: Itu muka surat buku mana?

Tuan Mohd. Bakri bin Abd. Rais: Di dalam buku Anggaran Belanjawan, 1976 berkenaan dengan Bangunan-bangunan Kerajaan.

Tuan Pengerusi: Saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat, buku ini tidak ada kepala, pecahan-kepala sahaja. Kalau hendak rujuk buku yang besar ini iaitu Belanjawan Persekutuan, 1976. Tidak apalah ada satu minit lagi.

Tuan Mohd. Bakri bin Abd. Rais: P. 8—Pembangunan. Tuan Pengerusi, Rumah-rumah Kerajaan yang telah uzur dan lama itu eloklah dirobohkan dan digantikan dengan bangunan yang baru bersesuaian dengan wajah Kuala Lumpur. Flat-flat yang berbentuk sederhana dan bermutu tinggi hendaklah didirikan agar pegawai-pegawai Kerajaan kita tidak bersepah di sana-sini. Dengan adanya flat-flat yang banyak untuk kakitangan Kerajaan di Kuala Lumpur ini sudah tentu kesesakan lalu-lintas akan berkurangan.

Tuan Pengerusi: Sudah cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang pada hari Selasa, 25hb November, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.